




KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN TAHUNAN KPWKM 2024







KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN TAHUNAN KPWKM 2024

## LAPORAN TAHUNAN 2024

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
No 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya,  
MALAYSIA.  
[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



LAPORAN  
TAHUNAN  
**KPWKM**  
**2024**

# Kandungan

Muka Surat	Perkara
vii	PRAKATA
<b>1</b>	<b>BAB 1: KENALI KPWKM</b>
<b>9</b>	<b>BAB 2: WANITA</b>
<b>35</b>	<b>BAB 3: KELUARGA</b>
<b>47</b>	<b>BAB 4: KANAK-KANAK</b>
<b>53</b>	<b>BAB 5: WARGA EMAS</b>
<b>59</b>	<b>BAB 6: ORANG KURANG UPAYA (OKU)</b>
<b>63</b>	<b>BAB 7: KUMPULAN KHUSUS</b>
<b>67</b>	<b>BAB 8: MASYARAKAT</b>
<b>101</b>	<b>BAB 9: KPWKM DI PERSADA ANTARABANGSA</b>
<b>123</b>	<b>BAB 10: MyKPWKM</b>
<b>145</b>	<b>BAB 11: LENSA KPWKM 2024</b>

# Sefapur Sirih

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada seluruh warga KPWKM yang telah berusaha gigih sepanjang tahun 2024 dalam menyempurnakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Komitmen dan dedikasi yang dipamerkan telah membolehkan Kementerian terus mencapai pelbagai kejayaan serta meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat.

Tahun 2024 juga membuka ruang untuk kita menilai kembali pencapaian, memperkukuh strategi, dan menetapkan sasaran baharu agar penyampaian perkhidmatan sentiasa relevan, berkesan dan inklusif. Harapan saya agar warga Kementerian terus memupuk budaya kerja berprestasi tinggi demi memastikan semua golongan sasar Kementerian sentiasa diberi perhatian dan tidak ditinggirkan, seiring dengan agenda Ekonomi MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Justeru, marilah kita bersama-sama melaksanakan amanah yang dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab, profesional dan berintegriti. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga KPWKM atas pencapaian sepanjang tahun 2024.

### **YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



# Seulas Pinang

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Syabas, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah berperanan secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Laporan Tahunan KPWKM 2024. Hasil usaha gigih, dedikasi serta kerjasama padu yang ditunjukkan oleh warga KPWKM terakam dalam laporan ini yang merupakan dokumen penting mendokumentasikan pencapaian, program serta inisiatif Kementerian, jabatan dan agensi sepanjang tahun 2024.

Penyampaian perkhidmatan yang berkesan telah memberi impak positif, khususnya kepada kumpulan sasaran untuk menikmati pelbagai kemudahan dan sokongan yang disediakan oleh KPWKM. Penglibatan seluruh pegawai dan kakitangan dalam memastikan kumpulan sasaran disantuni amatlah dihargai dan menjadi bukti keutuhan komitmen warga Kementerian.

Seiring dengan Aspirasi Kerajaan MADANI, warga KPWKM sentiasa dituntut untuk memperkukuh nilai integriti, keterangkuman dan keberkesanan dalam setiap pelaksanaan dasar serta program. Semangat ini perlu dipadukan dengan budaya kerja berprestasi tinggi yang menekankan kecemerlangan, profesionalisme dan inovasi, agar setiap inisiatif yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat, khususnya golongan rentan dan kumpulan sasaran Kementerian.



Saya berharap penerbitan Laporan Tahunan 2024 ini bukan sahaja menjadi rekod pencapaian, tetapi juga wadah inspirasi untuk kita terus meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan, selaras dengan visi MADANI ke arah sebuah negara yang lebih inklusif, sejahtera dan mampan.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan laporan ini.

### **YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD**

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

# Sefalung Penghargaan

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Aspirasi Malaysia MADANI menekankan nilai keterangkuman, kesejahteraan dan kelestarian demi kesejahteraan rakyat. Seiring dengan itu, KPWKM terus komited dalam menjamin kesejahteraan kanak-kanak melalui usaha melindungi hak mereka, memperkukuh pendidikan awal serta membangunkan potensi generasi pewaris negara. Pada masa yang sama, usaha mendaya upaya Orang Kurang Upaya (OKU) giat diperkukuh dengan menyediakan lebih banyak akses kepada peluang pendidikan, pekerjaan dan kemudahan mesra OKU agar mereka dapat hidup berdikari serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain itu, kementerian sentiasa memberi penekanan kepada pengukuhan institusi kekeluargaan menerusi konsep Kasih MADANI, yang menekankan nilai kasih sayang, saling menghormati dan sokongan berterusan dalam mendepani cabaran kehidupan moden. Dalam masa yang sama, pemerkasaan wanita terus dipacu melalui pelbagai inisiatif yang membuka ruang kepimpinan, memperkukuh kedudukan ekonomi, serta mengangkat peranan mereka sebagai agen perubahan sosial. Usaha melestari institusi penjagaan juga menjadi agenda utama bagi memastikan warga emas, golongan rentan dan individu yang memerlukan mendapat penjagaan yang berkualiti serta penuh ihsan. Semua ini diperkasa dengan pendekatan merakyatkan perkhidmatan KPWKM, agar setiap inisiatif kementerian dapat dirasai secara langsung oleh masyarakat di pelbagai peringkat.

Bagi pihak KPWKM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga kementerian, jabatan serta agensi atas dedikasi dan kerjasama padu yang telah ditunjukkan sepanjang tahun. Semoga laporan ini bukan sahaja menjadi rekod pencapaian, tetapi juga rujukan penting serta sumber inspirasi untuk memperkukuh peranan kementerian dalam memperjuangkan kesejahteraan rakyat.

Tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan KPWKM 2024. Semoga usaha ini terus diberkati dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

### **YBHG. DATUK DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat







KPMG



01

KENALI KPWK M

**VISI**

Peneraju utama dalam pembangunan masyarakat ke arah kemakmuran bersama.

**MISI**

Membangun masyarakat sejahtera secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebijakan produktif.

**OBJEKTIF**

1. Memperkukuh institusi perkahwinan dan kekeluargaan untuk kestabilan sosial;
2. Memperkasa wanita dan mengurus perdana gender bagi mencapai kesejahteraan bersama;
3. Menjamin hak dan kesejahteraan kanak-kanak bagi mencapai potensi yang optimum;
4. Mendaya upaya orang kurang upaya, warga emas dan kumpulan khusus demi kesejahteraan hidup; dan
5. Meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan untuk sistem sokongan yang berkesan dan menyeluruh.



## **LATAR BELAKANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)**

KPWKM pada awal penubuhannya dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Wanita seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Januari 2001.

Fungsi Kementerian kemudiannya telah diperluas dan ditukar nama kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001. Penubuhan KPWK adalah manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat semasa Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam Dokumen Landasan Tindakan bagi memajukan wanita ke tahun 2000 iaitu:

**“Pewujudan sebuah Kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen Kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini”**

Selaras dengan penubuhan KPWK, Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah diletakkan di bawah Kementerian ini. HAWA kemudiannya distruktur semula dan dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Pada 27 Mac 2004, fungsi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dibubarkan dan telah dipindahkan ke KPWK. Sehubungan itu, KPWK telah ditukar nama menjadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Kini, KPWKM merupakan peneraju utama dalam pembangunan dan kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat selaras dengan konsep Pembangunan Malaysia MADANI.

# CARTA ORGANISASI





## **KPWKM mempunyai tujuh buah Jabatan/Agensi dibawahnya iaitu:**

**Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** yang ditubuhkan pada tahun 1946 merupakan jabatan yang menjadi peneraju kebajikan dan kesejahteraan rakyat khususnya kepada golongan yang memerlukan bantuan.

**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)** merupakan Badan Berkanun yang ditubuhkan pada 1966 untuk memainkan peranan utama dalam dasar dan program kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduktif manusia.

**Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** yang ditubuhkan pada tahun 2001 untuk mengambil tanggungjawab memperkasa penglibatan wanita ke arah pembangunan negara.

**Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS)** telah ditubuhkan pada 8 Mac 2024 selaras dengan peruntukan Seksyen 3 Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) bagi menambahbaik sistem perundangan yang berkaitan dengan gangguan seksual.

**Institut Sosial Malaysia (ISM)** yang ditubuhkan pada tahun 2002 merupakan institut latihan awam (ILA) yang memberi fokus kepada bidang sosial dan pembangunan sosial.

**Yayasan Kebajikan Negara (YKN)** yang ditubuhkan pada tahun 1981 merupakan sebuah organisasi yang menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam usaha menjana dana juga perkhidmatan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan kanak-kanak melalui perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan.

**Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)** yang ditubuhkan pada tahun 2000 untuk memperkasa dan memperluas aksesibiliti perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat.

### **KPWKM terbahagi kepada Sektor Strategik, Sektor Pengurusan dan Unit-unit di bawah Ketua Setiausaha seperti berikut:**

#### **Sektor Strategik**

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik  
Bahagian Kolaborasi Strategik  
Bahagian Hubungan Antarabangsa

#### **Sektor Pengurusan**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Kewangan  
Bahagian Akaun  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Bahagian Pembangunan  
Bahagian Pengurusan Maklumat

**Unit-Unit di bawah KSU**

- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Integriti
- Unit Penasihat Undang-Undang
- Unit Audit Dalam



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# PERKHIDMATAN JABATAN & AGENSI

KPWKM merupakan peneraju utama dalam pembangunan dan kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat selaras dengan konsep Pembangunan Malaysia MADANI



**TALIAN  
Kasih**  
15999 24 JAM

Perkhidmatan  
Talian Kasih  
24 jam setiap hari



Tribunal  
Antingangguan  
Seksual - TAGS



Pusat Sokongan  
Sosial  
Setempat - YKN



Bantuan IUI &  
Advokasi Subfertiliti  
(BuAi) - LPPKN



Pendaftaran  
Kad OKU - JKM



Perkhidmatan  
Kaunseling - LK



Kursus Peningkatan  
Kemahiran - ISM



Program KASIH  
Ibu Tunggal - JPW

# JOM!

Ikuti platform media sosial kami



[kpwkm.gov.my](http://kpwkm.gov.my)



@Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat



@kpwkm



@kpwkm



@kpwkm



@kpwkmchannel

SILA IMBAS KOD QR



SIHKPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT



#S

02



WANITA

## PROGRAM LAMAN WANITA NEGERI BERSEJARAH SEMPENA SHWA24

5 FEBRUARI 2024

LAMAN WANITA JASIN, MELAKA

Program Laman Wanita Negeri Bersejarah Sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (SHWA) Tahun 2024 merupakan program anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin.

Program ini telah berjaya menyantuni seramai 103 orang peserta dengan matlamat utama penganjuran iaitu bagi meraikan peranan dan sumbangan wanita sempena Hari Wanita Antarabangsa serta memberi pendedahan berkaitan hak-hak wanita, keselamatan diri, kesihatan mental, dan pembangunan kemahiran keusahawanan.



## PROGRAM LAMAN WANITA NEGERI CIK SITI WAN KEMBANG SEMPENA SHWA24

19 FEBRUARI 2024

LAMAN WANITA KOTA BHARU, KELANTAN

Program Laman Wanita Negeri Cik Siti Wan Kembang Sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 merupakan anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sepenuhnya yang telah berjaya menyantuni seramai 44 peserta.

Program ini memberi fokus kepada pelbagai aktiviti berasaskan ekonomi wanita. Antara pengisian utama termasuk bengkel kemahiran gubahan kreatif “Crochet Flower Bouquet” melibatkan peserta OKU, serta demonstrasi kemahiran masakan tradisional Kelantan oleh ahli Skwad WAJA.



## MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2024

8 MAC 2024

SUNWAY PYRAMID CONVENTION CENTRE, SELANGOR

Hari Wanita merupakan acara tahunan yang dianjurkan bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada wanita di semua peringkat atas sumbangan mereka kepada pembangunan negara. Malaysia meraikan Hari Wanita Antarabangsa (HWA) sejajar sambutan HWA oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 8 Mac setiap tahun.

Tema SHWA24 adalah “Wanita Dijulang, Negara Gemilang” yang memberi penekanan kepada usaha mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender pada semua peringkat sebagai usaha memartabatkan wanita di negara ini. 51 program SHWA24 dengan jumlah penyertaan keseluruhan seramai 13,188 orang telah dilaksanakan termasuk di negeri-negeri dengan kaedah pelaksanaan secara bersemuka dan secara dalam talian.

Sambutan ini turut mengiktiraf wanita melalui pemberian anugerah iaitu Anugerah Kasih Wanita Bakti, Anugerah Kasih Wanita Cekal, Anugerah Kasih Wanita Harmoni dan Anugerah Kasih Wanita Komuniti.

Acara kemuncak SHWA24 dilaksanakan di Sunway Pyramid Convention Centre pada 8 Mac 2024 dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Ketika Majlis Perasmian, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif kewangan sebanyak RM5 juta bagi memperkasa kepimpinan wanita melalui bimbingan tokoh wanita berjaya.

Menyambut baik pengumuman tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah memperkenalkan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) 2024 yang memberi peluang tokoh wanita atau wanita yang telah berjaya menjalankan program pembangunan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang.



## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA YKN DAN PERKESO

14 MAC 2024

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri bersama Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan PERKESO.

MoU ini bertujuan membantu golongan wanita, khususnya suri rumah yang tidak berkemampuan, untuk mendapatkan perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) PERKESO melalui tajaan.

Melalui kerjasama ini, YKN dan PERKESO membuka peluang kepada pihak korporat, NGO dan individu untuk menaja caruman SKSSR kepada penerima yang layak melalui platform tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Inisiatif ini diharap dapat meluaskan perlindungan sosial kepada lebih ramai wanita, sekaligus membantu membela nasib golongan suri rumah sekiranya berlaku bencana domestik.



## PROGRAM WANITA DINAMIK @KPWKM

10 JUN 2024 (ISNIN)

DEWAN SUARAH SRI AMAN, SARAWAK

Seramai 450 peserta telah terlibat dalam Program Wanita Dinamik @KPWKM yang telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri.

Inisiatif ini adalah penerapan elemen baharu dalam memperkasa wanita bagi meningkatkan kekuatan dan kemandirian serta jati diri wanita merangkumi elemen ekonomi, keselamatan dan kesihatan seterusnya menyokong strategi membangun sebuah keluarga malaysia yang sejahtera. Inisiatif ini juga penambahbaikan daripada Program Wanita Bangkit yang telah membantu seramai 18,664 wanita di seluruh negara.



## PROGRAM WANITA GIG@BIT (GIG & BUSINESS IN TECHNOLOGY) TAHUN 2024

25 JULAI 2024

HOTEL INTERCONTINENTAL, KUALA LUMPUR

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) memperkenalkan Program Wanita Gig@BIT sejajar dengan sasaran 60% penyertaan wanita dalam tenaga buruh yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah Ekonomi MADANI. Program ini bertujuan menggalakkan wanita menjana pendapatan melalui ekonomi digital, meningkatkan literasi digital, serta memupuk kemahiran keselamatan siber dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan wanita.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Malaysia Design Development Centre (DDEC), Shopee, MyWau, Mamasab Bakery dan Les' Copaque. Program ini dilaksanakan secara hybrid dengan 272 peserta fizikal dan 1,139 peserta dalam talian.



## MAJLIS TANDATANGAN NOTA KERJASAMA ANTARA YKN DAN JABATAN PENJARA MALAYSIA BAGI PROGRAM WANITA BANGKIT BERSASAR @ KPWKM

20 OGOS 2024 (SELASA)  
PENJARA WANITA KOTA KINABALU

Majlis Tandatangan Nota Kerjasama Antara Yayasan Kebajikan Negara dan Jabatan Penjara Malaysia bagi Program Wanita Bangkit Bersasar (WBB) @KPWKM telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri.

YB Nancy turut merasmikan Anjung WBB YKN @RPKK yang beroperasi di Taman Olivia, Penampang Kota Kinabalu dengan menempatkan seramai 10 orang penghuni wanita pada satu-satu masa sebagai tempat menjana pendapatan kepada wanita dari penjara melalui kemahiran yang dipelajari semasa menjalani hukuman. YB Nancy juga telah menyerahkan Kit Dinamik YKN Wanita Bangkit Bersasar @KPWKM kepada peserta-peserta yang bakal menyertai program WBB ini.



## PROGRAM VOLVO IRON WOMEN

5 SEPTEMBER 2024

VOLVO TRUCKS MALAYSIA, SHAH ALAM, SELANGOR

Program Volvo Iron Women merupakan kolaborasi strategik Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bersama-sama dengan Volvo Malaysia Sdn. Bhd. bagi menghapuskan jurang jantina dalam pekerjaan. Walaupun sektor tersebut memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi, namun itu tidak sepatutnya menjadi halangan kepada kaum wanita dengan mempersiapkan diri mereka untuk menyertai industri berkenaan.

Program ini bertujuan membantu mengatasi kekurangan pemandu trak dalam kalangan wanita dan pada masa yang sama untuk diberikan peluang pekerjaan dalam sektor industri berat khususnya dalam kalangan B40.

Susulan kolaborasi ini juga telah terhasilnya Program Kesejahteraan Sosial yang bertujuan untuk memberi sokongan kesihatan mental, kaunseling dan interaksi kumpulan bagi meningkatkan kesejahteraan pemandu wanita. Inisiatif ini bukan sahaja untuk menampung keperluan industri berat, malah membuka peluang buat wanita untuk kekal yakin terlibat dalam industri yang didominasi oleh lelaki. Program Kesejahteraan Sosial telah dilaksanakan melibatkan lima (5) orang peserta Program Volvo Iron Women bersama-sama pekerja wanita dari syarikat Taipanco Sdn. Bhd.

Penyertaan dalam program ini telah memberikan impak positif kepada peningkatan pendapatan peserta iaitu daripada RM1,400 - RM2,000 kepada RM2,000 - RM4,000 sebulan.



## PROGRAM PERANTISAN KEPIMPINAN WANITA (PERANTIS)

1 OKTOBER 2024 HINGGA 31 MAC 2025  
SELURUH MALAYSIA

Penglibatan wanita Malaysia dalam penguasaan kepimpinan masih rendah berbanding lelaki. Walaupun wanita menunjukkan pencapaian pendidikan lebih baik berbanding lelaki dengan skor 1.067, perkara ini tidak diterjemahkan dalam pencapaian kepimpinan dan ekonomi. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita juga lebih rendah dengan hanya 55.8% berbanding lelaki pada 81.9%.

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif kewangan sebanyak RM5 juta bagi memperkasa kepimpinan wanita melalui bimbingan tokoh wanita berjaya sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2024.

Menyambut baik pengumuman tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah memperkenalkan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) 2024. Kejayaan PERANTIS pada tahun 2024 dapat dilihat apabila seramai 1,247 orang peserta PERANTIS telah dibimbing oleh 25 tokoh dalam 10 bidang terpilih yang merangkumi kepimpinan, politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundangan, keselamatan, kesejahteraan, pendidikan dan kesihatan.

Melalui program ini, tokoh wanita atau wanita yang telah berjaya akan diberikan geran peruntukan sehingga RM50,000 untuk menjalankan program pembangunan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang terutama politik, ekonomi dan sosial. Ia juga sebagai platform perkongsian ilmu dan kepakaran antara tokoh wanita yang telah berjaya dan pemimpin pelapis/ bakat wanita yang memerlukan bimbingan, selain mengukuhkan jaringan kerjasama dalam kalangan pemimpin/ bakat wanita.



## PROGRAM KASIH IBU TUNGGAL (PROKIT)

14 OGOS 2024 - 31 OKTOBER 2024  
KUCHING, SARAWAK.

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan bagi tahun 2010 dan 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan ibu tunggal mencatatkan peningkatan pada 940,735 (2020) orang berbanding 235,240 (2010). Statistik ini menunjukkan 6.08% daripada penduduk wanita (15,481,100) di Malaysia merupakan ibu tunggal.

### Dapatan Kajian Profiling Ibu Tunggal JPW (2021)

MASALAH	PERATUS	BILANGAN RESPONDEN
masalah kesihatan dan kesejahteraan psikososial	6.49%	2,488
masalah kewangan sama ada hilang pekerjaan, tiada punca pendapatan dan dibelenggu hutang	79.30%	30,375
masalah dalam aspek perundangan meliputi kes penceraian, nafkah dan hak penjagaan anak	2.40%	917



Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa Ibu tunggal menghadapi kesukaran dalam menguruskan kewangan keluarga, menuntut hak-hak selepas penceraian dan seterusnya membawa kepada terjejasnya kesejahteraan psikologi mereka. Justeru, JPW menerusi Program KASIH Ibu Tunggal (PROKIT) telah membangunkan tiga modul iaitu Pengurusan Kewangan, Kemahiran Perundangan dan Pembangunan Potensi. PROKIT dilaksanakan secara rintis pada tahun 2023 di Lembah Klang dan tahun 2024 di Kuching, Sarawak.

Rakan kolaborasi bagi pelaksanaan program ini terdiri daripada Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) bagi modul pengurusan kewangan; Pusat Psikologi Jiwa Damai bagi modul pembangunan potensi; dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) bagi modul kemahiran perundangan.

PROKIT berjaya memupuk minda dan nilai positif dalam kalangan peserta ibu tunggal, selain membangunkan keupayaan berdikari dalam kalangan ibu tunggal, mengurangkan kebergantungan terhadap insentif Kerajaan atau orang lain dan membentuk ibu tunggal menjadi agen perubahan dalam komuniti.

MODUL	PERKARA	PERATUS
Modul Pengurusan Kewangan	meningkatkan tingkah laku kewangan sebanyak	14%
	meningkatkan keupayaan perancangan kewangan	54%
	meningkatkan ilmu pengurusan kewangan	32%
Modul Pembangunan Potensi	menyedari makna dan tujuan kehidupan dan lebih jelas tentang potensi diri	50%
Modul Kemahiran Perundangan	membuat tuntutan hadhanah	25%
	menuntut harta sepencarian	13%
	menuntut fasakh/ceraai	25%
	menuntut nafkah anak	25%
	tuntutan mutaah	12%
	program Bantuan Guaman Syarie (BAGUS)	27%





## PROGRAM ADVOKASI DAN PEMBANGUNAN KAPASITI KEGANASAN RUMAH TANGGA

Jawatankuasa Kerja Advokasi Dan Pembangunan Kapasiti (JKAPK) ditubuhkan untuk membantu jawatankuasa induk Jawatankuasa Kerja Rumah Tangga (JKRT) bagi menyelaraskan program-program advokasi keganasan rumah tangga yang dilaksanakan oleh rakan strategik JPW daripada 15 agensi Kerajaan dan swasta serta enam (6) NGO.

**Matlamat dan objektif penubuhan JKAPK adalah seperti berikut:**

- Mengumpul maklumat menyeluruh berkenaan dengan advokasi Keganasan Rumah Tangga (KRT);
- Menyediakan maklumat dan Latihan advokasi yang menyeluruh;
- Menyelaraskan hubungan strategik dan penggerak advokasi; dan
- Menyelaraskan laporan advokasi dan Pembangunan kapasiti di bawah JKAPK.

Ahli JKAPK telah menjalankan Kursus JKRT dengan modul yang fokus kepada pemahaman dan kepentingan perlindungan mangsa KRT. Sehingga November 2024, dua (2) Kursus JKRT telah dilaksanakan dengan jumlah peserta seramai 67 orang.

## KASIH DINAMIK YKN : PROGRAM MEMPERKASA WANITA

14-15 SEPTEMBER 2024 (SABTU-AHAD)

SARAWAK CULTURAL VILLAGE, KUCHING, SARAWAK

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, telah mengunjungi Festival Gastronomi Nyamai Sarawak 2024 yang berlangsung di Sarawak Cultural Village (SCV).

Lawatan ini bertujuan mempromosikan produk-produk KASIH Dinamik yang dihasilkan oleh Wanita Dinamik daripada golongan B40, Orang Kurang Upaya (OKU) serta kumpulan rentan, selain memperkenalkan produk keluaran program Wanita Bangkit Bersasar (WBB). Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kementerian dalam memperkasa wanita dalam bidang keusahawanan, membantu mereka menjana pendapatan serta meningkatkan ekonomi keluarga.

Pelbagai hasil produk dipamerkan, termasuk seni kraftangan seperti batik, serta variasi makanan tradisional yang menonjolkan keunikan dan keaslian budaya tempatan. Di sebalik setiap produk yang dihasilkan, tersembunyi kisah-kisah penuh ketabahan dan cabaran yang dilalui oleh para wanita ini.

Ia menjadi lambang kecekalan mereka untuk terus bangkit, berdikari dan membina kehidupan yang lebih baik. Elemen "KASIH" dan "Dinamik" yang dibawakan dalam program ini bukan sekadar nama, tetapi mencerminkan kekuatan, semangat dan harapan baharu buat wanita untuk terus maju ke hadapan.



## PROGRAM WANITA DINAMIK @KPWKM ZON SELATAN

21 OKTOBER 2024 (ISNIN)  
BATU PAHAT, JOHOR

Seramai 250 orang wanita telah menghadiri Program Wanita Dinamik @KPWKM yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Antara sesi perkongsian daripada usahawan berjaya turut dibawakan bagi memberi tips, berkongsi pengalaman, menawarkan peluang perniagaan serta menyuntik semangat para peserta untuk menjadi usahawan agar dapat membimbing wanita dalam menjana pendapatan dan memperkasa ekonomi negara.

Program ini turut menyediakan reruai perkhidmatan jabatan agensi KPWKM serta reruai usahawan yang bersama di program Wanita Dinamik @KPWKM mempromosi produk serta membuka peluang kepada peserta untuk memajukan perniagaan dengan kepelbagaian produk jualan.





## PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI KESEJAHTERAAN MENTAL DAN PEMERKASAAN WANITA

10 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

HOTEL BERJAYA TIMES SQUARE, KUALA LUMPUR

Persidangan ini memberi tumpuan kepada isu-isu seperti tekanan mental dalam kalangan wanita, pemerkasaan melalui sokongan psikososial, dan pendekatan holistik terhadap kesejahteraan mental. Ia juga menekankan pentingnya kerjasama antara agensi kerajaan, institusi akademik, dan masyarakat dalam menangani cabaran kesihatan mental khususnya wanita sebagai pemangkin dalam membantu menyeimbangkan kesejahteraan mental dalam kalangan keluarga dan masyarakat.

Persidangan ini merupakan salah satu program berimpak tinggi yang dianjurkan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) pada tahun 2024 dan ia mencerminkan komitmen institusi dalam memperkukuh kesejahteraan mental dan pemerkasaan wanita di Malaysia.



## PROGRAM WBB PROMOSI PRODUK MASYARAKAT WANITA ORANG ASLI

19 NOVEMBER 2024

KAMPUNG BESWOK, PERAK

Yayasan Kebajikan Negara menganjurkan program bersama masyarakat Orang Asli Kampung Beswok, Perak melalui Program Wanita Bangkit Bersasar (WBB) dengan kerjasama PERKESO, HDRF, Master Professional Skill Academy, Persatuan Veteran KTN dan beberapa NGO lain.

Program ini membantu Masyarakat orang asli khususnya wanita dalam memperkenalkan dan menghasilkan produk pasaran kraf antaranya Fabrik Natural Dye, Eco Printing, produk anyaman daripada tumbuhan semulajadi yang terdapat di persekitaran penempatan tempat mereka tinggal serta masakan tradisi masyarakat orang asli bagi menjana pendapatan serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.





## **PROGRAM SAMBUTAN HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA (EVAW)**

NOVEMBER 2024  
SELURUH MALAYSIA

Program EVAW merupakan program tahunan sempena Sambutan Menangani Keganasan Terhadap Wanita Peringkat Antarabangsa pada 25 November yang bertujuan meningkatkan kesedaran menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita.

Tema sambutan yang ditetapkan oleh UN Women di peringkat antarabangsa ialah "Towards 30 Years of Beijing Declaration and Platform for Action: Unite to End Violence Against Women". Sambutan EVAW 2024 di peringkat kebangsaan telah dijayakan berteraskan kepada semangat Malaysia Incorporated (Malaysia Inc.). Pihak United Nations Funds for Population Activities (UNFPA), Perbadanan Putrajaya, JomRun, Shopee Malaysia Aviation Group dan Kimberly-Clark merupakan rakan strategik kementerian bagi menjayakan program ini.

Larian Oren sebagai acara pembukaan Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita telah diadakan pada 23 November 2024. Larian ini telah menerima sambutan melangkaui jangkauan dengan penyertaan seramai lebih 3,800 peserta berbanding sasaran 3,000 peserta. Pelaksanaan Kempen "Orange the Nation" telah disemarakkan oleh UNFPA dengan nyalaan lampu berwarna oren di Menara Kuala Lumpur (KL Tower) pada 25 November 2024, 7.30 petang.

Di Putrajaya, Bangunan KPWKM, Pintu Gerbang Perbadanan Putrajaya dan dua (2) jambatan utama iaitu Jambatan Seri Wawasan dan Jambatan Seri Saujana merupakan antara bangunan/ infrastruktur yang menyalakan lampu berwarna oren. Selain daripada itu, sebanyak 38 papan iklan (billboard) di sekitar Putrajaya juga telah memaparkan poster EVAW.

Majlis Perasmian Kempen EVAW disempurnakan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul pada 25 November 2024 di Lobi Dewan Rakyat, Blok Utama Parlimen Malaysia. YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah mengunjung dan menurunkan tandatangan pada 28 November 2024 (Khamis).

Selain sambutan pada peringkat nasional, kempen EVAW juga dilaksanakan pada peringkat PPWN melalui penganjuran pelbagai aktiviti dan program di negeri masing-masing. Pada peringkat negeri, sebanyak 117 program dilaksanakan melibatkan 12,541 peserta.





## PROGRAM KONVENSYEN SKUAD WAJA KEBANGSAAN 2024

26 NOVEMBER 2024  
BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE

Program Konvensyen Skwad Waja 2024 yang disertai 703 peserta merupakan konvensyen sukarelawan yang menghimpunkan individu-individu yang berdedikasi dalam memberi khidmat kepada masyarakat. Sumbangan sukarelawan Skwad Waja terhadap komuniti dalam bentuk psikososial dan bimbingan telah berjaya menyantuni pelbagai isu sosial terutamanya dalam menangani keganasan terhadap wanita. Skwad Waja mempunyai peranan penting sebagai *first responder* dalam komuniti untuk memastikan keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Konvensyen Skwad Waja Kebangsaan bertujuan untuk memperkukuhkan peranan Skwad Waja dengan forum dan perkongsian oleh sukarelawan dan pakar dalam pengalaman dan strategi dalam menguruskan situasi krisis yang dihadapi dalam lapangan. Selain itu, Konvensyen Skwad Waja Kebangsaan memberi peluang kepada Skwad Waja seluruh negara untuk memperkukuhkan jaringan antara sukarelawan.

Melalui Konvensyen Skwad Waja Kebangsaan, tiga sesi penyampaian sijil dan anugerah telah berjaya dilaksanakan iaitu Sesi penyampaian sijil penyertaan Skwad Waja Gen Z, Sesi penerimaan sijil Projek Khas Sumbang Bakti Skwad Waja dan Sesi penerimaan Anugerah Projek Khas Sumbang Bakti Skwad Waja.

## PROGRAM EKONOMI PEMBANGUNAN MAMPAN (OMEGA)

MAC HINGGA OKTOBER 2024

LAMAN WANITA SUNGAI PETANI, KEDAH & LAMAN WANITA MUAR, JOHOR

Program Ekonomi Pembangunan Mampan (OMEGA) merupakan program kemahiran dengan matlamat menjana pendapatan peserta melalui penghasilan produk yang mempunyai nilai komersial dari sumber bahan-bahan terbuang atau terpakai. Program kemahiran berasaskan konsep Circular Economy ini turut menyokong objektif-objektif Matlamat Pembangunan Mampan seperti yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bagi tahun 2024, JPW melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Negeri Kedah dan PPWN Johor telah bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia bagi melaksanakan Program OMEGA di Laman Wanita (LaWa) Sungai Petani, Kedah dan LaWa Muar, Johor. Seramai 60 peserta telah dilatih di bawah program ini, dengan 30 orang peserta masing-masing mengikuti latihan di LaWa Sungai Petani dan LaWa Muar.

Perubahan Hasil Penyertaan

PERATUS	BILANGAN PESERTA	PENDAPATAN
20%	11	pendapatan melebihi RM2,000
25%	15	pendapatan lebih daripada RM1,000

Program ini turut menghasilkan produk berasaskan bahan terbuang yang mempunyai nilai komersial. Antara produk yang dihasilkan ialah beg eco print yang bermotifkan daun kering, serta pelbagai barangan kraf yang diperbuat daripada kayu, hasil hutan, cengkerang, dan buah kulim.





## PROGRAM PENJANAAN PENDAPATAN

MAC HINGGA OKTOBER 2024

MELAKA, NEGERI SEMBILAN, PULAU PINANG, KELANTAN, WILAYAH PERSEKUTUAN, SABAH DAN SARAWAK

Program Penjanaaan Pendapatan merupakan program bimbingan kepada wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan. Ia merupakan program pembangunan kapasiti yang meliputi elemen kemahiran melalui bimbingan dan latihan.

Bagi tahun 2024, Program Penjanaaan Pendapatan telah dilaksanakan di tujuh (7) negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak dengan penglibatan seramai 223 orang peserta manakala WeBawa telah dilaksanakan di Perak dengan penglibatan seramai 32 orang peserta. Jumlah peserta bagi Program Penjanaaan Pendapatan (merangkumi WeBawa) adalah 255 orang.

Peserta program didedahkan dengan Modul Pengurusan Kewangan; Modul Penjenamaan Produk; Modul Promosi Dan Pemasaran; dan Modul Perkhidmatan Selepas Jualan.

Hasil daripada pelaksanaan program menunjukkan seramai 56% daripada keseluruhan peserta, iaitu 142 orang wanita, telah berjaya menjana pendapatan melebihi RM1,000. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60% atau seramai 86 orang telah mencatatkan pendapatan melebihi RM2,000.

Antara peserta yang mencatatkan pendapatan tertinggi ialah Puan Zamara binti Buang yang berjaya meningkatkan pendapatannya daripada RM2,000 sebelum program kepada RM79,800 selepas menyertai program. Seorang lagi peserta, Puan Norafizah binti Rahim, turut mencatatkan lonjakan pendapatan yang signifikan daripada RM1,000 kepada RM16,000. Kejayaan ini membuktikan keberkesanan program dalam memperkasakan wanita untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi dan mampan.

## PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN @ ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

SEPANJANG TAHUN  
SELURUH MALAYSIA

Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 8 Mac 2024. Selaras dengan keperluan pelaksanaan program advokasi antigangguan seksual yang telah ditetapkan di bawah seksyen 25 Akta 840, Jerayawara KASIH KPWKM @ Advokasi Antigangguan Seksual telah menjelajah ke seluruh negara pada tahun 2023 bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat berkaitan gangguan seksual.

Kesinambungan program advokasi diteruskan lagi pada tahun 2024 dengan pelaksanaan Program Toleransi Sifar Keganasan @Advokasi Antigangguan Seksual. Program advokasi pada tahun 2024 telah dilaksanakan mengikut zon dan mensasarkan kepada golongan pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.


Secara keseluruhannya, 35 program advokasi dan kesedaran antigangguan seksual melalui ceramah dan forum yang turut melibatkan kolaborasi strategik bersama pihak awam dan swasta telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 44,977 orang peserta.

Soal selidik turut diedarkan kepada para peserta dalam setiap program bagi menilai tahap kefahaman berkaitan gangguan seksual. Seramai 3,924 orang peserta telah mengemukakan maklum balas berhubung soal selidik berkenaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,889 (99%) peserta mempunyai tahap kefahaman yang tinggi iaitu mencatatkan markah 80% dan ke atas.





# 03



KELUARGA

## GEMPUR SARINGAN HPV DNA SEMPENA BULAN KESEDARAN KANSER SERVIKS KEBANGSAAN 2024

20 JANUARI 2024

DESA TUNAS HIJAU, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Majlis Peluncuran Gempur Saringan HPV DNA sempena Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2024 telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (PWKM). Seramai 529 orang peserta telah menyertai Program Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA).

Inisiatif kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran wanita untuk menjalani saringan kanser serviks melalui ujian HPV DNA. Wanita yang berisiko boleh mendapatkan perkhidmatan pengesanan awal kanser serviks di 50 Klinik Nur Sejahtera LPPKN di seluruh negara.

Antara pengisian program yang turut diadakan adalah Culture Fun Walk - Unity In Diversity Against Cervical Cancer, Lakas Tah Kitani Bercerita dan Kuiz Kahoot untuk orang awam. Program kempen ini turut diperluaskan ke seluruh negara dan sepanjang tahun 2024 seramai 49,903 wanita telah terlibat dalam program Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA).



## SAMBUTAN HARI IBU PERINGKAT KEBANGSAAN

12 MEI 2024

PUSAT KELUARGA LPPKN MELAKA

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah berkenan mencemar duli hadir ke Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024. Bertemakan "Terima KASIH Ibu", sambutan ini diadakan bagi menghargai kepentingan ibu sebagai pendukung utama kesejahteraan keluarga sejajar dengan peranan KPWKM dalam memperkukuh institusi keluarga. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri juga turut menyampaikan Anugerah Inspirasi Ibu kepada Puan Rahamah Mohtar, ahli dan aktivis Wanita IKRAM Kuala Selangor. Seramai 1,230 peserta telah terlibat dalam majlis tersebut.

Program-program sampingan yang turut diadakan ialah Pocket Talk KASIH Keluarga Ceria/ Kaunseling dan Terapi, Pameran dan Promosi Perkhidmatan Agensi KPWKM dan Rakan Strategik, Demonstrasi Warisan Air Tangan Ibu, Senam Tari KASIH Ibu dan program Doa KASIH Ibu #GegauSubuh3.0. Sambutan ini turut diadakan oleh LPPKN Negeri di seluruh negara dengan penglibatan seramai 4,415 peserta.





## SAMBUTAN HARI BAPA

22 JUN 2024

DEWAN TEMU JELATEK KUALA LUMPUR

Sambutan Hari Bapa kali ini anjuran bersama NGO Better Dads dengan bertemakan 'Terima Kasih Ayah'. Sambutan ini turut dilaksanakan di peringkat negeri melibatkan penyertaan seramai 1,355 orang.

Salah satu pengisian Sambutan Hari Bapa tahun ini adalah Anugerah Bapa Teladan. Michael Tong Wai Siong ialah penerima anugerah tersebut yang mana beliau telah membesarkan 3 orang anak angkat berbangsa Melayu.

Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh bapa dalam kesejahteraan dan perkembangan anak-anak mereka serta meningkatkan kesedaran mengenai pengaruh besar bapa dalam kehidupan kanak-kanak, keluarga dan komuniti mereka.

## MAJLIS PELANCARAN KAJIAN PENDUDUK DAN KELUARGA MALAYSIA KEENAM (KPKM-6) 2024

11 JULAI 2024

AUDITORIUM ASIAN INTERNATIONAL ARBITRATION CENTRE (AIAC) BANGUNAN SULAIMAN, KUALA LUMPUR

Majlis Perasmian Pelaksanaan KPKM-6 telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan perasmian telah dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia. Mesej kajian pada kali ini ialah "Suara Keluarga, Masa Depan Negara".

Kerja lapangan pengumpulan data KPKM-6 dijangka selesai dilaksanakan pada 28 Februari 2025. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 28,050 Tempat Kediaman (TK) telah berjaya dilawati daripada 37,550 (TK) yang disasarkan. Sebanyak 16,500 responden telah berjaya ditemu bual.



## KLINIK FERTILITI LPPKN

4 NOVEMBER 2024

IBU PEJABAT LPPKN, JALAN RAJA LAUT

Pengoperasian Klinik Fertiliti LPPKN ini secara rasminya telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh LPPKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Family Wellbeing Sdn. Bhd. (FWSB), Syarikat Milik Penuh LPPKN. Visi utama klinik FPP ini adalah memastikan orang ramai daripada semua lapisan masyarakat yang memerlukan rawatan kesuburan berpeluang merealisasikan impian mereka sebagai ibu bapa berjaya. Rawatan yang ditawarkan merangkumi pakej IUI, pakej IVF prihatin, pemindahan Embrio Beku (FET), Saringan Kesuburan dan Vaksinasi HPV.



## SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN

9 NOVEMBER 2024

TAMAN BOTANI KUALA LUMPUR



Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) telah dirasmikan oleh isteri YAB Perdana Menteri, YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail. "KASIH Keluarga, Jiwa MADANI" telah dipilih sebagai tema sambutan pada tahun 2024. Tema ini menggariskan kepentingan elemen nilai kasih sayang dan keharmonian dalam keluarga sebagai asas kepada pembinaan masyarakat berteraskan kepada prinsip MADANI.

Antara inisiatif yang diperkenalkan adalah pelepasan cukai bagi perbelanjaan keraian termasuk penganjuran hari keluarga serta tajaan mengikuti kursus pembangunan keluarga dan keibubapaan kepada pekerja swasta oleh HRDCorp. Sambutan BKK 2024 turut dimeriahkan dengan acara seperti "KASIH Family Fun Run" serta Karnival Keluarga. Seramai 7,673 peserta terdiri daripada ahli keluarga telah menyertai sambutan ini.

Selain itu, sambutan BKK 2024 turut diadakan di peringkat negeri sebagai tanda kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam memartabatkan institusi keluarga. Hampir 16,402,429 capaian melalui liputan media massa dan digital bagi Kempen KASIH Keluarga telah direkodkan.



## SEMINAR GERAN PENYELIDIKAN

25 NOVEMBER 2024  
IDEAS HOTEL, KL

Seminar Penyelidikan LPPKN 2024 bertujuan menghebahkan hasil penyelidikan para penerima Geran Penyelidikan LPPKN dan seramai 190 peserta yang terdiri daripada para pemegang taruh, pegawai kerajaan, ahli akademik, pihak berkuasa tempatan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah hadir. Sebanyak 14 kertas kerja telah dibentangkan dan 13 poster penyelidikan dipertandingkan semasa seminar tersebut.





## MAJLIS RESEPSI MAHLIGAI CINTA PERDANA

30 NOVEMBER 2024  
PUSAT KONVENSYEN MPAJ, TAMAN MELAWATI

Program Mahligai Cinta Perdana telah berjaya dianjurkan sempena Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2024. Program yang diadakan dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Penganjuran majlis resepsi ini adalah untuk memartabatkan institusi perkahwinan serta memberi peluang kepada pasangan kurang berkemampuan merasai sebuah kenangan perkahwinan paling indah dalam hidup.

Seramai 34 pasangan pengantin pelbagai kaum dan bangsa yang baru bernikah antara Januari hingga September 2024, telah diraikan dalam majlis ini dan disaksikan oleh 600 orang tetamu jemputan. Semua pasangan pengantin yang menyertai majlis ini juga telah menghadiri Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART 2.0 yang diadakan pada 16 dan 23 November 2024.

## ULANGTAHUN KE 45 PERKHIDMATAN RAWATAN KESUBURAN

1 DISEMBER 2024

IBU PEJABAT LPPKN, JALAN RAJA LAUT

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyambut ulang tahun yang ke-45 perkhidmatan subfertiiliti dengan penyertaan seramai 420 orang peserta termasuk kanak-kanak. Turut hadir pada majlis ini, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YBhg. Dato' Sri Rohani Karim, Pengerusi LPPKN dan YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN. Majlis Jalinan Kasih LPPKN 2024 diadakan bagi meraikan anak-anak hasil rawatan perkhidmatan subfertiiliti di samping mengeratkan hubungan silaturrahim antara klien dan anggota LPPKN disamping memberi penghargaan kepada semua pihak yang menyokong perkhidmatan subfertiiliti LPPKN.


YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyampaikan ucapan tahniah kepada LPPKN yang telah memberi sumbangan yang signifikan kepada perkhidmatan subfertiiliti dalam negara sejak 1979. Ia adalah satu tempoh cukup matang dalam bidang ini serta pelbagai kejayaan mengkagumkan dilakar bagi perkhidmatan subfertiiliti.







04



KANAK-KANAK

## PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK

SEPANJANG TAHUN 2024  
SELURUH MALAYSIA

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak dilaksanakan dengan matlamat untuk menggerakkan seluruh lapisan masyarakat termasuk ibu bapa dan komuniti setempat agar bersama-sama memastikan kebajikan, keselamatan dan perkembangan kanak-kanak terpelihara sepenuhnya.

Usaha ini juga menyokong inisiatif Kerajaan dalam mencegah penderaan fizikal, emosi, seksual, pengabaian, eksploitasi atau sebarang bentuk penganiayaan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].





## SIMPOSIUM PASUKAN PELINDUNGAN KANAK-KANAK (PPKK) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

17 OGOS 2024

THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff telah merasmikan Simposium Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PKKK) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 mewakili Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Bertemakan “Sinergi PPKK dan PAKK Pemangkin KASIH Kanak-Kanak”, simposium ini dianjurkan khusus untuk manifastasi peranan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak sebagai barisan hadapan dalam menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak untuk bersama-sama berganding bahu dalam memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan kehidupan kanak-kanak pada hari ini dan pada masa hadapan.

Seramai 140 PPKK telah dilantik bagi tempoh tahun 2024 sehingga 2026 seperti mana yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak) 2017 yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2017.

## PERASMIAN JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK (JPKK) JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2024

6 OGOS 2024

IBU PEJABAT JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK, JKM

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat telah menyempurnakan Majlis Perasmian Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK). JPKK telah ditubuhkan berkuat kuasa 1 September 2023 bagi menggantikan Bahagian Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Penubuhan JPKK adalah selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 bagi menangani isu keselamatan dan kebajikan kanak-kanak di samping menyediakan perkhidmatan berkualiti berlandaskan kepada aspek pencegahan, pembangunan, perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian dengan memfokuskan kepada:

- Sistem penyampaian perkhidmatan di lapangan dan institusi yang diperluaskan;
- Kualiti perkhidmatan bagi kanak-kanak ditambah baik; dan
- Keselamatan dan kebajikan kanak-kanak khususnya penderaan dan pengabaian ditangani secara berkesan dan teratur.



## **SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN TAHUN 2024 & BERSAMA WARGA KERJA JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK (JPKK)**

23 & 24 NOVEMBER 2024

DEWAN MERDEKA & DEWAN TUN RAZAK, PUSAT DAGANGAN DUNIA (WTC) KUALA LUMPUR

Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2024 telah dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dengan tema "Dengarlah Suara Kami".

Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan merupakan acara tahunan yang diadakan selaras dengan pengisytiharan 20 November setiap tahun sebagai Hari Kanak-Kanak Sedunia. Pelbagai program dan aktiviti yang diadakan semasa sambutan berlangsung seperti aktiviti interaktif AI, pameran agensi Kerajaan dan Swasta serta kesihatan pergigian.

Sebanyak tujuh (7) anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antaranya ialah Anugerah Pingat Hang Tuah yang dianugerahkan kepada Adik Muhammad Asri bin Rosli yang telah menyelamatkan rakannya dari renjatan elektrik ketika di sekolah.





# 05



WARGA EMAS

## SAMBUTAN HARI WARGA EMAS PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

5 OKTOBER 2024 (SABTU)

DEWAN A, PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC) PUTRAJAYA

Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 telah disempurnakan perasmianya oleh YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sambutan Hari Warga Emas 2024 mengangkat tema 'Penuaan Bermaruah: Memperkukuh Sistem Penjagaan dan Sokongan Warga Emas'. Tema ini selari dengan Dasar Warga Emas Negara yang menggaris komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif produktif serta menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Dalam majlis ini, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad telah melancarkan portal Sistem Warga Emas (eWARGA EMAS). Sistem ini secara dasarnya akan memberikan impak positif kepada Kerajaan kerana dapat membantu meningkatkan produktiviti dan kecekapan agensi yang terlibat dalam merancang, menganalisis mengurus dan memantau warga emas yang merupakan kumpulan sasar Kementerian.

Majlis juga menyaksikan YB Timbalan Menteri menyampaikan sijil penghargaan 'Kami Prihatin Warga Emas' dan Anugerah Warga Emas (Kategori Lelaki), Anugerah Warga Emas (Kategori Wanita), Anugerah PAWE Cemerlang, Anugerah Pertubuhan Sukarela Kebajikan Warga Emas Cemerlang dan Sijil Penghargaan 'Kami Prihatin Warga Emas'.



## SEMINAR WARGA EMAS TAHUN 2024

23 OKTOBER 2024 (RABU)

DEWAN PERDANA NUR, MENARA KPWKM

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan Seminar Warga Emas Tahun 2024 “Kesejahteraan Psikologi Warga Emas Dan Penjaga” yang telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Penganjuran seminar ini adalah langkah penting dalam membicarakan kesejahteraan psikologi warga emas dan penjaga, kerana kedua-duanya saling memerlukan dan merupakan aset berharga kepada negara dalam era yang mencabar ini.

Antara pengisian program pada hari ini ialah slot ceramah mengenai “Menangani Stress Dan Kebimbangan Dalam Penjagaan Warga Emas” yang disampaikan oleh YBrs. To’ Puan Dr. Tengku Elmi Azlina Binti Tengku Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan ceramah bertajuk “Kesejahteraan Psikologi Warga Emas Dan Penjaga” yang menampilkan tiga orang panel iaitu YBrs. Dr. Arlina Nuruddin dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), YBrs. Dr. Wan Nurayunee binti Wan Zulkifli dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan YBrs. Encik Mohd Syafiq bin Mohiadin dari PJ Mahmudah Malaysia.

Turut sama hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Puan Farah Adura Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWKM, YBrs. Encik Chua Choon Hwa, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi.










# 06



ORANG KURANG  
UPAYA (OKU)

## MAJLIS SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA (OKU) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

3 DISEMBER 2024 (SELASA)

HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR

Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa telah diumumkan pada tahun 1992, menerusi resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu 47/3. Malaysia juga meraikan sambutan Hari OKU pada setiap tahun mulai tahun 1994 sebagai satu pembuktian bahawa komuniti OKU di negara ini juga tidak dipinggirkan daripada pembangunan dan pengiktirafan daripada pihak kerajaan.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dengan tema "Memperkasa Kepimpinan OKU Demi Inklusiviti Mampan".



Antara objektif utama sambutan ialah memberi penghormatan dan pengiktirafan daripada kerajaan kepada komuniti Orang Kurang Upaya (OKU), meningkatkan advokasi masyarakat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan penyertaan OKU di pelbagai peringkat dan memastikan agenda rangkuman (Inklusiviti) dijayakan supaya komuniti OKU mampu menjadi modal insan yang mampan.


Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU juga turut dilancarkan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam majlis ini. Modul ini terbahagi kepada tiga (3) modul iaitu:

1. Pembangunan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU – Generik dilaksanakan oleh Universiti Sains Malaysia (USM);
2. Pembangunan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU – Autisme dilaksanakan oleh Universiti Malaya (UM); dan
3. Pembangunan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU – Sindrom Down dilaksanakan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).





# 07



KUMPULAN KHUSUS  
(MANGSA KEGANASAN RUMAH  
TANGGA, ORANG PAPA,  
MANGSA BENCANA, MANGSA  
PEMERDAGANGAN ORANG  
DAN PESALAH KHIDMAT  
MASYARAKAT)

## PELANCARAN SISTEM INFO BENCANA 3.0

22 OGOS 2024

DEWAN PERDANA NUR

Majlis pelancaran Sistem Info Bencana JKM Versi 3.0 telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersekali dengan pelancaran Aplikasi Mobil Talian Kasih bersempena dengan Sambutan Hari Digital KPWK 2024.



Pelancaran Aplikasi Mudah Alih Sistem Talian Kasih dan Sistem Info Bencana JKM Versi 3.0 oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sistem Info Bencana JKM Versi 3.0 telah dinaik taraf daripada sistem sebelum ini bagi memberi informasi terkini berkenaan bencana yang berlaku di seluruh negara dan memberi manfaat kepada orang ramai yang terkesan akibat bencana serta pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan bencana.



## SKUAD IHSAN MADANI KPWKM

30 NOVEMBER – 9 DISEMBER 2024  
NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa siap siaga bagi operasi bencana seluruh negara. JKM bersedia menggerakkan seramai 4,590 pegawai dan kakitangan pada bila-bila masa dengan dibantu oleh 152 orang kaunselor dan 1,047 Psychological Support Team (PST) serta 6, 073 sukarelawan JKM untuk operasi bencana.

Dari segi persediaan bekalan barangan keperluan asas, kesemua lapan (8) buah Depoh Simpanan Keperluan Bencana, 137 stor negeri/daerah, 68 Mini Depoh Kontena dan 561 Pengkalan Hadapan JKM telah siap siaga untuk menghadapi bencana banjir. Selain JKM, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Lembaga Kaunselor turut terlibat memberi bantuan semasa operasi banjir terutama di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Bagi bantuan bencana banjir di Pantai Timur kali ini kementerian juga telah menggerakkan SKUAD IHSAN MADANI KPWKM bagi membantu mangsa-mangsa banjir di kawasan yang terjejas.

Skuad IHSAN MADANI KPWKM fasa pertama yang diketuai oleh YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat telah digerakkan pada 30 November 2024 dengan kekuatan anggota seramai 92 orang serta melibatkan sebuah lori dan dua (2) buah kenderaan pacuan 4 roda bagi melaksanakan misi sukarelawan membantu mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di negeri Kelantan.

KPWKM akan meneruskan khidmat Skuad IHSAN MADANI ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa bagi menyemarakkan semangat kesukarelaan dalam kalangan warga KPWKM.



Seramai 102 orang sukarelawan JKM yang terdiri daripada pegawai di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat JKM Wilayah Persekutuan telah terlibat dalam misi Skuad Ihsan MADANI fasa 3



08



MASYARAKAT

## PROGRAM KEMBARA KASIH KPWKM 2024

14 HINGGA 21 DISEMBER 2024  
NEGERI SARAWAK

Program Kembara KASIH KPWKM melibatkan penyertaan tujuh (7) agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di lapan (8) daerah di Sarawak iaitu Kuching, Sibul, Kapit, Bintulu, Miri, Marudi, Limbang dan Lawas.

**Pengisian program ini telah memberi manfaat kepada seramai 12,013 orang awam.**

Perasmian Program Kembara KASIH telah disempurnakan oleh YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg di Waterfront Kuching Sarawak pada 15 September 2024. Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri pada 21 September 2024.



Perasmian Program Kembara KASIH oleh YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg



### Objektif Program Kembara KASIH

Sebagai manifestasi KPWK dalam mendekati masyarakat tempatan dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan / Agensi dibawahnya:

01

Menyebarkan luas dan mempromosikan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif KPWK yang diperkenalkan demi manfaat kepada rakyat;

02

Meningkatkan kesedaran umum mengenai peranan KPWK dalam membentuk kesejahteraan rakyat serta keterangkuman sosial

03

Mendukung aspirasi Malaysia MADANI dalam mengemudi negara ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara yang membangun dan mampan



## Skop Projek

Projek pembangunan ini melibatkan pelbagai komponen yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk setempat, termasuk:

### Penyediaan Trek Riadah

- Pembinaan trek *jogging* dan *briskwalk* bagi menggalakkan gaya hidup sihat.



### Usaha Keceriaan Kampung

- Menaik taraf dan membaik pulih tanah perkuburan Islam.
- Penambahbaikan laluan dalam kawasan perkuburan.
- Pembersihan kampung, khususnya kawasan zon tepi Sungai.
- Pemasangan papan tanda Kampung Angkat MADANI.
- Pelaksanaan kerja-kerja landskap untuk menceriakan kawasan kampung.



## Penaiktarafan Jeti

- Menaik taraf jeti penduduk.
- Penyediaan laluan khas untuk bomba dan pasukan penyelamat.
- Pembinaan wakaf berhampiran jeti sebagai kemudahan awam.



## Pembaikan Jalan Kampung

- Penambahbaikan jalan kampung demi kelancaran pergerakan dan keselamatan penduduk



## Menaik Taraf Masjid dan Surau

- Penambahbaikan prasarana masjid dan surau untuk keselesaan beribadah.



### Impak Projek

Projek ini bukan sekadar tumpuan kepada pembangunan infrastruktur fizikal, malah turut menyumbang kepada pembinaan komuniti yang lebih harmoni, inklusif dan progresif, selaras dengan nilai-nilai teras Malaysia MADANI. KPWKM yakin bahawa inisiatif ini mampu membawa impak positif dan mampan kepada penduduk Kampung Pasir Pekan Tengah, Tumpat Kelantan.

## SAMBUTAN HARI KERJA SOSIAL SEDUNIA

22 MAC 2024

DEWAN PERDANA NUR

Sambutan Hari Kerja Sosial telah dilaksanakan pada 18 Mac hingga 22 Mac 2024 dengan pelbagai pengisian menarik seperti pertandingan poster digital, pertandingan kuiz, webinar dan juga pameran. Majlis turut menyaksikan pelancaran Buku Laporan Pengurusan Kerja Sosial. Pada tahun ini **"Keharmonian Hidup: Transformasi Masa Depan Bersama"** diangkat sebagai tema sambutan Hari Kerja Sosial.

Sambutan ini merupakan satu platform advokasi dan promosi kepada masyarakat berkaitan kerja sosial serta amalan terbaik kerja sosial dalam mendepani cabaran semasa serta mengembalikan kefungsi sosial masyarakat.

## PROGRAM PELANCARAN DIREKTORI ORGANISASI BERASASKAN KOMUNITI (CBO) KPWKM

TUJUH (7) DAERAH

Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menyediakan panduan dan rujukan yang boleh memberi bantuan dan sokongan sosial kepada masyarakat yang memerlukan. Majlis pelancaran CBO KPWKM telah dilancarkan di tujuh (7) buah daerah dalam tahun 2024.

### Objektif program CBO KPWKM

1

Mempergiatkan promosi perkhidmatan yang disediakan kepada kumpulan sasar Jabatan

2

Mengetengahkan usaha kerajaan untuk mendekatkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat

3

Menjadi pemangkin dan faktor perangsang kepada semua pihak agar lebih prihatin dan peka kepada kumpulan sasar KPWKM

4

Menggerakkan peranan komuniti dalam usaha mendekati kumpulan sasar jabatan terutamanya warga emas, OKU dan kanak-kanak selaras dengan konsep masyarakat penyayang.

## **PERTANDINGAN INOVASI PEMBELAJARAN PERINGKAT ANTARABANGSA 2024**

7-9 OKTOBER 2024

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyertai Pertandingan Inovasi Pembelajaran Peringkat Antarabangsa (PIP 2024) bagi Kategori A yang disertai oleh pensyarah IPT/IPTS, IPG, Kolej Komuniti, Guru Sekolah, Jabatan, Agensi dan Industri pada 7-9 Oktober 2024.

Ia merupakan salah satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti (UTLC), Universiti Utara Malaysia (UUM) sejak 2016. Produk inovasi yang dipertandingkan adalah Modul Smart Aging JKM. Modul ini merupakan modul intervensi psikopendidikan menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling membantu dari aspek psikologi yang menumpukan kepada kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga emas. JKM telah memenangi Pingat Perak berserta Sijil bagi kategori A iaitu kategori terbuka.



## PERASMIAN BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN-TNB

19 FEBRUARI 2024

HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II, KOTA BHARU, KELANTAN

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah merasmikan Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II bersama-sama Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), YBhg. Dato' Abdul Razak Abdul Majid, dan Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan, YBhg Dato' Dr. Zaini Hussin yang telah ditaja sepenuhnya oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB ini mula dibina pada Mac 2023 melalui sumbangan program Corporate Social Responsibility (CSR) TNB dengan tajaan berjumlah RM1.5 juta bagi kerja naik taraf bangunan, kelengkapan perabot, kemudahan fasiliti dan kos selenggara selama 5 tahun.



Anjung Kasih YKN merupakan penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya pesakit atau ahli-ahli keluarga yang kurang berkemampuan untuk mengiringi pesakit yang sedang menerima rawatan di hospital-hospital kerajaan yang terpilih.

## PERASMIAN PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS) TRANSIT PERTAMA MALAYSIA

20 FEBRUARI 2024  
RANTAU PANJANG, KELANTAN

Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit pertama Malaysia yang terletak di Rantau Panjang, Kelantan telah dirasmikan pada 20 Februari 2024 (Selasa). PSSS Transit ini merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sebagai *immediate relief* bagi menangani isu psikososial dalam masyarakat khususnya golongan sasar di bawah KPWKM.

Inisiatif ini telah mula dijalankan sejak 2021 dengan menawarkan perkhidmatan secara bergerak (PSSS Mobile) terus ke kawasan tumpuan ramai, berhampiran dengan kawasan kediaman dan kawasan penempatan pedalaman bagi memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan.



## PROGRAM BOOT CAMP TRANSISI DINAMIK ANJUNG SINAR YKN

28-31 MEI 2024

DORSETT HOTEL PUTRAJAYA DAN PUSAT REKREASI AIR PUTRAJAYA.

Program Boot Camp Transisi Dinamik Anjung Sinar YKN bagi 105 penghuni dan lepasan Institusi Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah dikendalikan sepenuhnya oleh kaunselor dan fasilitator dalaman (in-house) jabatan serta agensi di bawah KPWKM.

Antara pengisian utama termasuk sesi Inspirasi Sinar, Hala Tuju Penetapan dan Kerjasama Rakan Strategik YKN iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) menerusi platform TVET MARA, diikuti dengan perkongsian berkaitan kerjaya dan kemahiran oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta pembentangan daripada Akademi Dalam Industri dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).



## PROGRAM IBADAH KORBAN AIDILADHA YKN

17 JUN 2024

PEJABAT YKN ZON NEGERI SARAWAK YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA (YKN)

Program ibadah korban di surau dan masjid sekitar Kuching telah dilaksanakan melibatkan masyarakat setempat bersama bergotong-royong menjalankan sembelihan serta melapah daging korban. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri turut meluangkan masa bersama masyarakat setempat bergotong-royong serta mengagihkan daging korban.

Hikmah ibadat korban antaranya melatih dan membentuk umat islam supaya sanggup berkorban sebahagian rezeki dan nikmat kurniaan Allah untuk orang lain yang kurang bernasib baik.





## PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI YKN-SUNTRACK 2.0

21 JULAI 2024

PERTUBUHAN RUMAH KEBAJIKAN SRI BABA, KLANG

Program Khidmat Komuniti YKN-Suntrack 2.0 ini mendapat sokongan dengan penyertaan daripada pelajar Newton International College, Teddy Clinic, Sukarelawan YKN dan kakitangan Suntrack bagi menyantuni penghuni warga emas, memberikan perkhidmatan saringan kesihatan serta gotong-royong di Pertubuhan Rumah Kebajikan Sri Baba, Klang.

Para sukarelawan memulakan kerja membersihkan, mengecat, membaik pulih serta menggantikan perkakasan elektrik yang telah rosak bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

## PROGRAM KECEKAPAN-RISE PROJEK RINTIS KERJASAMA YKN BERSAMA UK-MALAYSIA KECEKAPAN KONSORTIUM

27 OGOS 2024

KUCHING, SARAWAK

Program KECEKAPAN-RISE Projek Rintis Kerjasama Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) Bersama UK-Malaysia KECEKAPAN Konsortium Dengan Penajaan RM2 Juta yang telah disaksikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri.

Program ini dijalankan melalui kursus secara dalam talian (online) selama 12 minggu bermula September hingga Disember 2024 dan ditaja sepenuhnya oleh British Council. Modul bagi kursus ini dibangunkan oleh UK-Malaysia KECEKAPAN Konsortium dan dilaksanakan dalam tiga pilihan bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Isyarat.

Program KECEKAPAN-RISE bagi negeri Sarawak ini merupakan projek rintis yang melibatkan seramai 500 orang peserta yang mana kos kursus bagi seorang peserta bernilai RM4,000.00 dengan kos keseluruhan berjumlah RM2 Juta bagi negeri Sarawak dan mendapat tajaan daripada British Council.



## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN DAN PENYERAHAN TAJAAN YKN DAN BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD BAGI PENUBUHAN ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL BINTULU, SARAWAK

19 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS)  
HOSPITAL BINTULU, SARAWAK

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian dan Penyerahan Tajaan Yayasan Kebajikan Negara Malaysia & Bintulu Port Holdings Berhad Bagi Penubuhan Anjung Kasih YKN Hospital Bintulu, Sarawak yang merupakan projek pertama yang mendapat tajaan sepenuhnya di Sarawak daripada Bintulu Port Holdings Berhad dengan tajaan berjumlah RM1 juta.

Anjung Kasih YKN Hospital Bintulu yang akan ditubuhkan ini merupakan Anjung Kasih YKN yang ke-4 di Sarawak selepas Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibul dan Hospital Miri. Anjung ini juga dapat menampung seramai 67 orang penghuni dalam satu masa.





## PROGRAM SINAR KASIH DEEPAVALI 2024 ZON TENGAH

23 OKTOBER 2024 (RABU)  
BATU CAVES, SELANGOR

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada komuniti Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak dalam Program Sinar Kasih Deepavali 2024 di Dewan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti (PSPK), Batu Caves, Selangor.

YB Dato' Sri Hajah Nancy telah menyampaikan sumbangan tunai dan barangan keperluan asas kepada 300 orang penerima dengan kerjasama Syarikat 99 Speedmart melalui platform Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi persediaan menyambut Deepavali.

## MAJLIS SERAHAN TAJAAN RAKAN STRATEGIK YKN BAGI ANJUNG KASIH DAN BILIK KASIH WANITA DI HOSPITAL UMUM SARAWAK

2 NOVEMBER 2024 (SABTU)

HOSPITAL UMUM SARAWAK, KUCHING, SARAWAK

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah menyaksikan serahan tajaan kepada YKN berjumlah RM378,800.00 daripada Yayasan AmanahRaya, Perinsuran Brokar dan Alliance Islamic Bank Berhad bagi Anjung Kasih dan Bilik Kasih Wanita.

Sumbangan yang diterima bertujuan untuk menambahbaik kemudahan fasiliti penghuni Anjung Kasih YKN Hospital Umum Sarawak agar lebih selesa. Menerusi sumbangan ini juga turut diwujudkan Bilik Kasih Keluarga yang dilengkapi dengan ruang istirahat, televisyen, pantri, ruang makan, ruang riadah serta terapi bagi keselesaan dan kesejahteraan keluarga.

Selain itu, sumbangan yang diterima akan digunakan bagi mewujudkan Bilik Kasih Wanita yang dilengkapi dengan pelbagai fasiliti yang memberikan keselesaan dan ruang privasi kepada jururawat wanita untuk mendapatkan masa rehat yang lebih optimum.





## TAJAN KORPORAT SEMARAKAN PROGRAM KIOSK KASIH YKN

14 NOVEMBER 2024

MASJID KAMPUNG BARU, KUALA LUMPUR

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri menyaksikan majlis serahan tajaan sumbangan dan kerjasama daripada Public Islamic Bank Berhad, Alliance Islamic Bank Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), PRASARANA, Kolej Komuniti, GIAT MARA dan PELUAS sempena Program Komuniti Kiosk Kasih di Masjid Kampung Baru Kuala Lumpur.

Projek Khidmat Komuniti Miskin Bandar Kiosk Kasih YKN menyediakan khidmat percuma untuk gunting rambut, jahitan (alteration), baiki kasut dan makan minum kepada penduduk sekitar Masjid Kampung Baru Kuala Lumpur. Inisiatif ini bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapatkan khidmat secara percuma di samping menggalakan pengusaha kecil untuk menjana pendapatan.



## MAJLIS PERASMIAN BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN - TNB HOSPITAL MELAKA

5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)  
HOSPITAL MELAKA

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri bersama Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad telah merasmikan Better Brighter Anjung Kasih YKN -TNB Hospital Melaka yang dibina dengan konsep selesa, selamat serta berkualiti demi memastikan kebajikan golongan sasaran terjamin.

Anjung Kasih YKN adalah tempat penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya keluarga atau waris pesakit yang tidak berkemampuan menyewa bilik/hotel namun berkeperluan untuk mengiringi dan menjaga pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan.

## PROGRAM JELAJAH KASIH PSSS “KAMI NENGAR KAMI NULONG” DI RUMAH PANJANG PUEH

10 DISEMBER 2024

RUMAH PANJANG PUEH, SEMATAN, SARAWAK.

Program Jelajah Kasih Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) “Kami Nengar Kami Nulong” meneruskan jelajah Negeri Sarawak di Rumah Panjang Pueh, Sematan Sarawak. Perkhidmatan PSSS turut memberikan perkhidmatan psikososial seperti sesi kaunseling, intervensi serta *stress therapy* kepada penghuni di Rumah Panjang Pueh dan masyarakat sekitar yang hadir.

Sehingga tahun 2024, sebanyak 208 program PSSS telah dilaksanakan melibatkan 33,007 klien, manakala secara keseluruhan sejak ia diwujudkan pada tahun 2021, seramai 76,006 individu telah menerima manfaat daripada perkhidmatan ini.



## MAKMAL PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN INDUSTRI PENJAGAAN DI MALAYSIA

13 MEI 2024 HINGGA 14 JUN 2024  
DEWAN PERDANA NUR

Makmal ini melibatkan 300 peserta rentas Kementerian, Jabatan, Agensi, pihak swasta, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi dan individu yang berkemahiran. Makmal ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran dalam pelaksanaan industri penjagaan di Malaysia; mendapatkan sumbang saran daripada pemegang taruh dan pemain industri; dan membangunkan kerangka awal Pelan Tindakan Industri Penjagaan di Malaysia.

Hasil makmal ini sebuah Rangka Kerja Pelan Tindakan Industri Penjagaan telah dibangunkan dan akan diguna pakai oleh semua pemain industri di Malaysia.





## MAJLIS PELANCARAN DAN SESI DISKUSI ENABLING INVESTMENTS INTO THE MALYSIAN CARE ECONOMY

5 JULAI 2024 (JUMAAT)  
HOTEL MAJESTIC KUALA LUMPUR



Diskusi ini dilaksanakan bagi tujuan mengumpulkan wakil Kementerian, Jabatan, Agensi, sektor swasta, ahli akademik dan pemain industri penjagaan di Malaysia. Dalam masa yang sama ia bertujuan untuk perbincangan dan perundingan lanjut mengenai praktikaliti, potensi dan perubahan yang diperlukan untuk membolehkan pelaburan dalam Ekonomi Penjagaan di Malaysia; dan sesi ini dilaksanakan untuk membentuk strategi dan arah tindakan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pembiayaan dan pelaburan dalam Ekonomi Penjagaan.



Laporan "Enabling Investments into the Malaysian Care Economy" menjadi salah satu sumber tambahan yang melengkapi usaha Kementerian dalam meningkatkan taraf profesion penjagaan di Malaysia.

## LATIHAN, SEMINAR DAN KAJIAN INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM)

Sepanjang tahun 2024, Institut Sosial Malaysia (ISM) telah melaksanakan sebanyak 152 program latihan dan seminar, selari dengan peranannya sebagai pusat kecemerlangan dalam pembangunan sosial dan latihan berterusan. Pelaksanaan program ini merangkumi pelbagai bentuk pendekatan dan topik yang relevan bagi memenuhi keperluan kumpulan sasaran termasuk pegawai kerajaan, pengamal sosial, NGO dan orang awam.

Antara program yang dijalankan adalah seperti berikut:

Bil.	Program / Latihan	Jumlah
1.	Kursus / Latihan berkaitan Kerja Sosial dan Pembangunan Sosial	108
2.	Bual Bicara ISM Executive/Social Talk	19
3.	Kolokium Penyelidikan Sosial	8
4.	Program CPD (Pembangunan Profesional Berterusan)	5
5.	Webinar Pembangunan Kapasiti Kumpulan Sasar	4
6.	Perkongsian Ilmu - ISM Bersama Anda	3
7.	Program Sijil Profesional Asas Kerja Sosial (SPAKS)	2

### Jumlah keseluruhan penyertaan amat memberangsangkan iaitu seramai:

- 5,532 orang peserta bersemuka
- 57,591 orang peserta dalam talian
- Jumlah keseluruhan: 63,123 peserta



## Persidangan Antarabangsa mengenai Kesejahteraan Mental dan Pemerkasaan Wanita

10 Oktober 2024 (Khamis)

Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Persidangan ini memberi tumpuan kepada isu-isu seperti tekanan mental dalam kalangan wanita, pemerkasaan melalui sokongan psikososial, dan pendekatan holistik terhadap kesejahteraan mental. Ia juga menekankan pentingnya kerjasama antara agensi kerajaan, institusi akademik, dan masyarakat dalam menangani cabaran kesihatan mental khususnya wanita sebagai pemangkin dalam membantu menyeimbangkan kesejahteraan mental dalam kalangan keluarga dan masyarakat.

Persidangan ini merupakan salah satu program berimpak tinggi yang dianjurkan oleh ISM pada tahun 2024, mencerminkan komitmen institusi dalam memperkukuh kesejahteraan mental dan pemerkasaan wanita di Malaysia.



## ISM Executive Talk 2024

Siri ini ditujukan kepada golongan profesional dan pemimpin dalam sektor sosial yang melibatkan figura-figura penting negara (eminent persons), bertujuan untuk memperkukuh kepimpinan dan pengurusan dalam organisasi yang berkeelayakan dan berpengalaman luas dalam bidang sosial dan membincangkan isu dan topik kepimpinan sosial dan tata kelola sosial semasa serta terkini.

Bil.	Siri / Tema	Tarikh	Tempat / Medium
1.	Siri 1/2024: "Cabaran Kesejahteraan Sosio-Ekonomi Wanita Di Malaysia"	8 Februari 2024	Dalam Talian
2.	Siri 2/2024: "Terapi Kognitif Tingkah laku ke Arah Minda Sejahtera"	27 Mac 2024	Dalam Talian
3.	Siri 3/2024: "Inner Side of Effective People"	4 April 2024	Dalam Talian
4.	Siri 4/2024: "Memacu Inovasi Organisasi Dalam Persekitaran Yang Dinamik"	23 April 2024	Dalam Talian
5.	Siri 5/2024: "H.E.M.A.T: Penuh Inspirasi, Pencapaian Dirasai"	29 Mei 2024	Dewan Institut Intelek, Sosial Malaysia
6.	Siri 6/2024: "Leverage on the Lesson Learned from the COVID-19 Pandemic"	6 Jun 2024	Dalam Talian
7.	Siri 7/2024: Persidangan Antarabangsa: Kesejahteraan Mental dan Pemerksaan Wanita	10 Oktober 2024	Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur
8.	Siri 8/2024: "Kepimpinan dan Pengurusan Inovasi"	12 November 2024	Hotel Dorsett, Putrajaya
9.	Siri 9/2024: "Komunikasi Krisis: Pengalaman Pengurusan Krisis MH370 dan MH17"	4 Disember 2024	Dalam Talian



## ISM Social Talk 2024

Siri wacana ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu sosial semasa melalui perkongsian ilmu oleh pakar-pakar dalam bidang berkaitan.

Bil.	Siri / Tema	Tarikh	Tempat / Medium
1.	Siri 1/2024: Sindrom Lupa Anak	27 Februari 2024	Dalam Talian
2.	Siri 2/2024: Hutang di Usia Muda: Prospek atau Perangkap?	5 Mac 2024	Dalam Talian
3.	Siri 3/2024: Vape: Terancamkah Kesejahteraan Keluarga?	20 Mei 2024	Dalam Talian
4.	Siri 4/2024: Abai Kanak-Kanak: Salah Siapa?	12 Jun 2024	Dalam Talian
5.	Siri 5/2024: Work-Life Balance: Keseimbangan Asas Kesejahteraan	16 Julai 2024	Dalam Talian
6.	Siri 6/2024: Kesejahteraan Mental: Jangan Ambil Mudah!	1 Ogos 2024	Dalam Talian
7.	Siri 7/2024: Eksploitasi Kanak-Kanak: Di Manakah Noktahnya?	15 Oktober 2024	Dalam Talian
8.	Siri 8/2024: <i>The Empty Nest Syndrome</i>	5 November 2024	Dalam Talian
9.	Kanak-kanak Berkonflik dengan Undang-Undang: Pengintegrasian Semula dalam Masyarakat	5 November 2024	Dalam Talian
10.	Siri 10/2024: Matlamat Pembangunan Lestari Sebagai Landasan Dalam Mewujudkan Pembangunan Sosial Inklusif	20 November 2024	Dalam Talian

## SEMINAR PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPD) KERJA SOSIAL

Program CPD Kerja Sosial bertujuan untuk Meningkatkan kompetensi dan profesionalisme pekerja sosial di Malaysia; menyokong pelaksanaan Akta Profesion Kerja Sosial yang sedang dalam proses pewartaan; dan menyediakan platform untuk perkongsian ilmu dan amalan terbaik dalam bidang kerja sosial.

### Siri Seminar CPD 2024

1. Siri 1/2024 – Zon Tengah  
Tarikh: 06 Februari 2024  
Lokasi: Auditorium Jurutera Radin Omar, UPM
2. Siri 2/2024 – Zon Utara  
Tarikh: 07 Mei 2024  
Lokasi: Dewan Seminar CAS, Universiti Utara Malaysia
3. Siri 3/2024 – Zon Timur  
Tarikh: 17 Julai 2024  
Lokasi: International Islamic University Malaysia (IIUM), Bandar Indera Mahkota, Pahang
4. Siri 4/2024 – Sarawak  
Tarikh: 20 Ogos 2024  
Lokasi: Dewan Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah, Kuching Sarawak
5. Siri 5/2024 – Sabah/Labuan  
Tarikh: 16 Oktober 2024  
Lokasi: Universiti Malaysia Sabah



## **PROGRAM SIJIL PROFESIONAL ASAS KERJA SOSIAL (SPAKS)**

Program Sijil Profesional Asas Kerja Sosial (SPAKS) dibangunkan untuk memberi pendedahan menyeluruh kepada peserta mengenai pengetahuan, kemahiran serta nilai dan etika dalam bidang kerja sosial. Kursus ini bertujuan meningkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme khususnya dalam kalangan kakitangan berpengalaman yang telah lama terlibat dalam praktis kerja sosial tetapi tidak mempunyai latar belakang pendidikan secara formal dalam bidang ini.

Melalui pendekatan yang menekankan kepada perkongsian pengetahuan, pengalaman dan kemahiran, peserta didorong untuk bersaing secara kreatif dan inovatif dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pekerja sosial yang unggul di Malaysia. Kursus ini bukan sahaja memperkukuh asas praktikal, tetapi juga membuka laluan kepada peserta untuk mendaftar sebagai Pekerja Sosial Berdaftar (RSW) atau Pekerja Sosial Berdaftar Bersekutu (RASW), selaras dengan usaha profesionalisasi bidang kerja sosial di Malaysia.

### **Tarikh Pelaksanaan**

#### **Kohort 1/ 2024**

Tarikh: 19 Februari - 23 April 2024

Bil. Peserta: 27 orang

#### **Kohort 2/2024**

Tarikh: 6 Mei - 11 Julai 2024

Bil. Peserta: 27 orang

#### **Kohort 3/ 2024**

Tarikh: 9 Julai - 3 September 2024

Bil. Peserta: 32 orang

#### **Kohort 4/2024**

Tarikh: 5 Ogos - 2 Oktober 2024

Bil. Peserta: 33 orang

### **Impak dan Keberkesanan Program**

Program SPAKS ini telah memberikan impak positif yang signifikan dalam bidang kerja sosial di Malaysia:

- Peningkatan Kompetensi
- Pengiktirafan Profesional
- Pengukuhan Jaringan Profesional
- Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Sosial

## SEMINAR KASIH SEMURNI USAHA KPWKM @ANTIGANGGUAN SEKSUAL

18 APRIL 2024,  
PUSAT KEBUDAYAAN UIAM, GOMBAK

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menganjurkan Seminar KASIH Semurni Usaha KPWK @ Antigangguan Seksual. Seminar ini bertujuan memperkukuh kesedaran dan advokasi berkaitan isu gangguan seksual, terutamanya dalam kalangan warga kampus.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Shamsudin Osman, Pengerusi UIAM, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK serta Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi KPWK dan UIAM.



## PROGRAM PERSADA ILMU

2 Disember 2024  
Dewan Intelek, ISM

Program Persada Ilmu merupakan inisiatif Institut Sosial Malaysia (ISM) yang bertujuan memperkukuh wacana ilmu, membentangkan hasil penyelidikan terkini, serta memupuk kesedaran terhadap isu-isu sosial semasa negara. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

### Objektif Program

Menyampaikan hasil dapatan kajian ISM kepada khalayak umum dan pengamal sosial;

- Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu dan impak sosial melalui dapatan kajian menerusi pendekatan kreatif dan interaktif; dan
- Meneroka peranan teknologi, khususnya Kecerdasan Buatan (AI) dalam kepimpinan dan pembangunan sosial.

### Pengisian Utama Program

1. Pembentangan Hasil Dapatan Kajian ISM 2024
  - Menyampaikan hasil kajian terkini yang dijalankan oleh ISM, memberikan pandangan mendalam mengenai isu-isu sosial semasa.
2. Perkongsian Ilmu: AI dan Kepimpinan
  - Sesi ini membincangkan bagaimana teknologi AI dapat mempengaruhi dan membentuk gaya kepimpinan dalam organisasi sosial.
3. Pelancaran Drama Pendek "Wanita Bangkit"
  - Drama pendek berjudul 'Salin Tikar' dan 'Luka Yang Terindah', adaptasi daripada buku "Wanita Bangkit", menggambarkan ketabahan dan kekuatan wanita dalam menghadapi cabaran sosial turut dilancarkan semasa program ini berlangsung.

### PENERBITAN DAN KANDUNGAN KREATIF

Laporan dan bahan ilmiah diterbitkan:

1. Laporan Tahunan ISM 2023
2. Majalah Paradigma Sosial
3. International Journal of Pharmacological Sciences (IJPS) Edisi 20/2024
4. Wanita Bangkit (Edisi Khas)
5. Kertas Prosiding Kolokium Penyelidikan Sosial Tahun 2023
6. Cerita Kita: TOT Akta Antigangguan Seksual
7. Prosiding PESAN
8. Kandungan Digital Drama Pendek: Duka Yang Paling Indah, Salin Tikar
9. 32 Teaser TikTok – adaptasi cerita pendek dari buku "Wanita Bangkit"

## KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

Sebanyak empat (4) kajian telah dilaksanakan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) sepanjang tahun 2024 dengan tajuk-tajuk kajian seperti berikut:-

1. Kajian Keberkesanan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
2. Kajian Kebolehlaksanaan Institut Sosial Malaysia (ISM) sebagai Agensi Akreditasi Kerja Sosial Malaysia
3. Kajian Keberkesanan Projek Rintis Pemeliharaan Remaja Berisiko
4. Kajian Keberkesanan Program Peningkatan Produktiviti dan Pendapatan Kumpulan Rentan (JKM)

## SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN (BKK) 2024

15 OKTOBER 2024

NILAI SPRINGS RESORT HOTEL, NILAI NEGERI SEMBILAN.

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024 dengan tema 'TEKAD EMPATI, SEJAHTERA INSANI'.

Pemilihan tema ini juga bertepatan dengan keprihatinan kerajaan dalam prestasi kesejahteraan masyarakat Malaysia yang kini terdedah dengan ancaman proses globalisasi seperti isu psikososial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Antara objektif pelaksanaan Bulan Kaunseling Kebangsaan adalah bagi mengiktiraf peranan kaunselor berdaftar dalam memberikan perkhidmatan kaunseling profesional di samping memberikan tumpuan kepada peranan kaunselor dalam menangani isu semasa, membudayakan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat, meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling dan profesion kaunselor sebagai tunjang kesejahteraan masyarakat.

Ia juga membina jaringan profesional perkhidmatan kaunseling di antara kaunselor dan masyarakat serta pemimpin tempatan dan menguar-uarkan perkhidmatan dan agenda Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kepada komuniti.

Majlis ini telah dihadiri oleh 600 peserta terdiri daripada kaunselor berdaftar, wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi serta NGO antaranya PERKAMA International (Persatuan Kaunseling Malaysia), Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA), Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK), Persatuan Kaunselor Pendidikan MARA (PEKAMARA) dan gabungan-gabungan persatuan kaunseling yang lain.





# 09



KPWKM DI PERSADA  
ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2024, Bahagian Hubungan Antarabangsa KPWKM telah terlibat dalam menjayakan penyertaan Malaysia di 69 Persidangan/Mesyuarat/Program di peringkat antarabangsa seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Human Rights Council Universal Periodic Review (UPR) Working Group in Geneva	20 - 27 Januari 2024	Geneva, Switzerland
2.	Sesi ke-87 CEDAW	5-9 Februari 2024	Geneva, Switzerland
3.	CEDAW Training Workshop	6-8 Februari 2024	Singapura
4.	The ASEAN-Prime Capacity Building on Protection, Gender and Inclusiveness (PGI)	19 - 20 Februari 2024	Luang Prabang, Lao PDR
5.	Program Penandaarasan LPPKN ke Pusat Subfertiliti Antarabangsa - Korea Selatan	3-7 Mac 2024	Korea Selatan
6.	Regional Conference on Analysing Women's Role in Terrorism in Southeast Asia	5- 7 Mac 2024	Semarang, Indonesia
7.	Commonwealth Annual Consultation of National Women's Machineries	10 Mac 2024	New York
8.	68th Session of Commission on the Status of Women (CSW)	11-22 Mac 2024	New York
9.	ASEAN-Australia Dialogue on Women's Leadership and Gender Mainstreaming in Infrastructure	20 Mac 2024	Jakarta, Indonesia
10.	APEC Workshop on Promoting Women Economic Empowerment through Enhancing Opportunities for Women in Remote Areas across Agri-food Chains	11 dan 12 April 2024	Hanoi, Viet Nam
11.	9th IORA Working Group on Women Economic Empowerment (WGWEE)	15 April 2024	Online
12.	Lawatan Peringkat Tertinggi ke Thailand mengenai Alternatif kepada Penahanan Imigresen atau Alternatives to Immigration Detention (ATD) dan Perlindungan Kanak-Kanak Terjejas oleh Migrasi	22-25 April 2024	Bangkok, Thailand
13.	2nd Special Invitation Program by Foundation of the Welfare and Education of the Asian People (FWEAP)	22-26 April 2024	Tokyo, Japan
14.	28 <sup>th</sup> ASEAN Committee on the Promotion and the Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) Meeting	24 - 25 April 2024	Jakarta, Indonesia
15.	57 <sup>th</sup> Session of the Commission on Population and Development (CPD)	29 April to 3 Mei 2024	New York, U.S.

16.	14 <sup>th</sup> Session of the Open-ended Working Group on Ageing (OEWGA14)	20 – 24 April 2024	New York, U.S.
17.	Global Summit of Women (GSW) 2024	9 – 11 Mei 2024	Madrid, Spain
18.	Mesyyarat Kumpulan Pakar (EGM) mengenai “Keluarga dan Perubahan Iklim” (Families and Climate Change)	15 dan 16 April 2024	New York, U.S.
19.	Sesi Constructive Dialogue bersama Jawatankuasa Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination (CEDAW)	20-25 Mei 2024	Geneva, Switzerland
20.	22 <sup>nd</sup> Session of The Intergovernmental Working Group on The Durban Declaration	19-24 Mei 2024	Geneva, Switzerland
21.	Validation Workshop on Draft of the ASEAN Declaration on Strengthening Care Economy and Resilience Towards ASEAN Community Post-2025 and Its Guidance Document & 3 <sup>rd</sup> ASEAN Gender Mainstreaming Steering Committee (AGMSC) Meeting	22-24 Mei 2024	Oudomxay, Lao PDR
22.	4 <sup>th</sup> ASEAN Climate Change Partnership Conference (ACCPC)	28 Mei 2024	Bali, Indonesia
23.	Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) First Policy Partnership on Women and the Economy (PPWE 1)	13-15 Mei 2024	Arequipa, Peru
24.	APEC Women and the Economy Forum (WEF)+ High-Level Policy Dialogue on Women and the Economy (HLPDWE) + Joint Ministers for Trade and Women Meeting	16-17 Mei 2024	Arequipa, Peru
25.	Regional Learning Session on Gender-Responsive and Child Rights Approach to Public Budgeting	13 – 14 Mei 2024	Manila, Filipina
26.	Lawatan Kerja Profesionalisasi Pekerja Sosial - Study Visit to Philippines on Professionalization of Social Welfare Workforce	14 – 15 Mei 2024	Manila, Filipina
27.	ASEAN Dialogue to Strengthen the Delivery of Social Services for Disaster Risk Reduction and Climate Resilience	16 – 17 Mei 2024	Manila, Filipina
28.	Women, Peace and Security Cohort - Malaysia’s National Action Plan (NAP)	15 Mei 2024 – 18 Jun 2024	Honolulu, Hawaii, U.S.
29.	Regional Consultative Meeting on Promotion of Active Ageing in Southeast Asia	12 – 14 Jun 2024	Jakarta, Indonesia
30.	1 <sup>st</sup> ASEAN Consultation on the Development of ASEAN Guidelines on Prevention of and Response to Transnational Child and Child Forced Marriage	19 – 21 Jun 2024	Vientiane, Lao PDR

31.	National Action Plan (NAP) Training and Workshop to strengthen the Implementation of the ASEAN Regional Plan of Action on Women, Peace and Security at National level	24-28 Jun 2024	Bangkok, Thailand
32.	Seminar on Promoting Health and Care Service Utilizing Digital Technology	26 - 28 Jun 2024	Seoul, Republik Korea
33.	Program Penandaarasan LPPKN ke Pusat Subfertiiliti Antarabangsa - Jerman	27 Jun - 1 Julai 2024	Jerman
34.	FP2030 Asia-Pacific Regional Focal Points Workshop	1-4 Julai 2024	Manila, Filipina
35.	Global Social Work and Social Welfare Course	7 - 13 Julai 2024	Bangkok, Thailand
36.	Study Trip on Domestic Violence Intervention and Response anjuran Garden of Hope Foundation (GOH)	11-16 Ogos 2024	Taiwan
37.	Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Second Policy Partnership on Women and the Economy (PPWE 2)	17-20 Ogos 2024	Lima, Peru
38.	Workshop Promoting Women's Economic Empowerment Through Trade Policy and Trade Agreements: Sharing Experiences and Lessons Learned in the APEC Region	19-20 Ogos 2024	
39.	Third Meeting and First Knowledge Exchange of the ASEAN South-South and Triangular Cooperation Group on Gender Statistics	2 Ogos 2024	Jakarta, Indonesia
40.	ASEAN Conference on the Prevention and Response to the Misuse of Financial Service Providers in Child Sexual Exploitation	7-8 Ogos 2024	Bali, Indonesia
41.	8 <sup>th</sup> ASEAN Children's Forum	19-21 Ogos 2024	Vientiane, Lao PDR
42.	3 <sup>rd</sup> ASEAN Women Leader Summit	21 - 23 Ogos 2024	Vientiane, Lao PDR
43.	APEC Workshop on Empowering Women in Remote Areas Through Climate-Smart Agriculture for Sustainability and Inclusivity di Hanoi, Viet Nam	5-6 September 2024	Hanoi, Vietnam
44.	4 <sup>th</sup> ASEAN Gender Mainstreaming Steering Committee (AGMSC) Meeting	10 September 2024	Kuala Lumpur, Malaysia
45.	Seminar On Promoting Gender Equality and Inclusion in Digital Health Technology for Caregivers di Taipei, Taiwan	10-11 September 2024	Chinese Taipei
46.	The ASEAN Disability Rights Workshop: Advancing Public-Private-People Sector Engagement	16 - 18 September 2024	Bangkok, Thailand

47.	2 <sup>nd</sup> ASEAN Consultation on the Development of ASEAN Guidelines on the Prevention of and Response to Transnational Child and Forced Marriage in the Context of Trafficking in Persons (TIP); dan  2024 Annual ASEAN ICT Forum on Child Online Protection & Workshop for the Implementation of the Regional Plan of Action on the Protection of Children from All Forms of Online Exploitation and Abuse in ASEAN	23 - 27 September 2024	Bali, Indonesia
48.	ASEAN-IPR Women, Peace and Security (WPS) Training Programme	30 September - 4 Oktober 2024	Bangkok, Thailand
49.	ASEAN Dialogue on UNCRC General Comments No. 26	2 - 3 Oktober 2024	Manila, Filipina
50.	Validation Workshop of the ASEAN Guidelines on Disaster Data Disaggregation for Risk Assessment	7 - 8 Oktober 2024	Bogor, Indonesia
51.	Regional Partners Roundtable to end FGM/C in Southeast Asia	10 dan 11 Oktober 2024	Bangkok, Thailand
52.	Asia Pacific Ministerial Conference on Disaster Risk Reduction	14-18 Oktober 2024	Manila, Filipina
53.	ASEAN Regional Consultation on the Development of the Campaign against Online Violence against Women and Girls	17 - 18 Oktober 2024	Bangkok, Thailand
54.	Investing for Gender Equality and Inclusive Climate Action Cross Regional Dialogue	17 - 18 Oktober 2024	Istanbul, Turkiye
55.	Professional Training on Human Rights and Multidimensional Poverty Measurement, Analysis, and Reduction	21 - 23 Oktober 2024	Oxford, UK
56.	Persidangan "Developing Policy Framework Capacity in The Field of Social Security After Natural Disasters", Turkiye	22-23 Oktober 2024	Turkiye
57.	2024 Asia-Pacific Care Forum	22 - 24 Oktober 2024	Bangkok, Thailand
58.	APEC Workshop on Capacity Building for the Reduction of the Digital Gender Equality	30-31 Oktober 2024	Mexico
59.	Workshop on Implementation and Monitoring of the ASEAN Roadmap on Elimination of the Worst Forms of Child Labour by 2025	4 - 6 November 2024	Bangkok, Thailand
60.	AWEN Reflection Workshop	5 - 6 November 2024	Phnom Penh, Cambodia
61.	Special AFC-AMMSWD Meeting and Asian Family Conference 2024 Pada 5 Hingga 7 November 2024 Di Singapura	5-7 November 2024	Singapura

62.	Training on Interreligious and Intercultural Dialogue for ASEAN Officials	11 - 15 November 2024	Pulau Pinang, Malaysia
63.	5 <sup>th</sup> ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW) and related meetings (29 <sup>th</sup> ACWC, 23 <sup>rd</sup> ACW, 16 <sup>th</sup> ACW+3, 11 <sup>th</sup> ACWC-ACW)	26 - 29 November 2024	Myanmar
64.	67 <sup>th</sup> Commonwealth Parliamentary Conference	3-8 November 2024	Sydney, Australia
65.	2024 UN CRPD Training to "Make the Right Real",	3-9 November 2024	Seoul, Korea
66.	The Fourth Open-ended Intergovernmental Experts Group Meeting (IGEM) to Discuss the Draft Organization of Islamic Cooperation (OIC) Jeddah Convention on the Rights of the Child	5-7 November 2024	Jeddah, Arab Saudi
67.	Asia-Pacific Ministerial Conference on the Beijing+30 Review	19-21 November 2025	Bangkok, Thailand
68.	19 <sup>th</sup> GO-NGO Forum, 3 <sup>rd</sup> ASEAN Outstanding Social Welfare and Development Award (AOSWADA), 20 <sup>th</sup> SENIOR OFFICIALS MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT (SOMSVD), 19 <sup>th</sup> SOMSWD+3 Meeting	3 - 5 Desember 2024	Brunei
69.	5 <sup>th</sup> ACWC Partnership Conference	9 - 13 Desember 2024	Luang Prabang, Lao PDR



## MAJLIS MAKAN MALAM SEMPERNA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 PENUBUHAN HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHINA

19 JUN 2024  
KUALA LUMPUR

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah hadir ke Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Penubuhan Hubungan Diplomatik Malaysia-China yang berlangsung di ibu negara.

Majlis ini merupakan acara kemuncak sempena Lawatan Rasmi TYT Li Qiang ke Malaysia bermula pada 18 hingga 20 Jun 2024 dan Ulang Tahun ke-50 Hubungan Diplomatik antara Malaysia dan China berikutan penandatanganan Kenyataan Bersama oleh Tun Abdul Razak dan TYT Chou En Lai pada 31 Mei 1974.

Dalam majlis ini, KPWKM turut menyokong pandangan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang menegaskan bahawa hubungan Malaysia - China bukan hanya terhadap kepada aspek dua hala semata-mata, tetapi merangkumi lensa strategik yang lebih menyeluruh.





## PERSIDANGAN PARLIMEN KOMANWEL KE-67

3 HINGGA 8 NOVEMBER 2024  
SYDNEY, AUSTRALIA

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat yang juga merupakan Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) telah mewakili South East Asia ke Persidangan Parlimen Komanwel ke-67 (CPC) yang berlangsung pada 3 hingga 8 November 2024 di Sydney, Australia. Turut berlangsung adalah Persidangan Ahli Parlimen Wanita Komanwel (CWP) dan Persidangan Ahli Parlimen OKU (CPwD).

Penyertaan 128 cawangan CPA dalam persidangan ini menjadi platform untuk berkongsi amalan terbaik serta perbincangan isu-isu bersama dalam usaha memperkukuh nilai dan prinsip yang dapat memperkasa ahli-ahli CPA dalam mendepani cabaran global yang semakin mencabar. Perkongsian pengalaman daripada pelbagai pihak yang terlibat turut menyumbang kepada pembangunan strategi mampan bagi mengukuhkan institusi demokrasi.

## **THE FOURTH OPEN-ENDED INTERGOVERNMENTAL EXPERTS GROUPS MEETING (IGEM) TO DISCUSS THE DRAFT “ORGANIZATION OF ISLAMIC COOPERATION (OIC) JEDDAH CONVENTION ON THE RIGHTS OF THE CHILD IN ISLAM 2024” PADA 5 HINGGA 7 NOVEMBER 2024 DI JEDDAH, ARAB SAUDI**

YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengetuai delegasi Malaysia ke The Fourth Open-ended Intergovernmental Experts Groups Meeting (IGEM) bagi membincangkan draf “Organization of Islamic Cooperation (OIC) Jeddah Convention on the Rights of the Child in Islam 2024” yang telah diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 5 hingga 7 November 2024. Mesyuarat kali keempat ini dianjurkan oleh OIC dengan kerjasama Independent Permanent Human Rights Commission (IPHRC) dan dihadiri oleh lebih 50 perwakilan dari 22 buah negara anggota OIC.

Mesyuarat ini adalah selaras dengan Resolusi Persidangan Menteri yang Pertama mengenai Pembangunan Sosial (First Ministerial Conference on Social Development) yang diadakan pada tahun 2019 di Republic Turkiye dan Persidangan Menteri yang Kedua Mengenai Pembangunan Sosial (Second Ministerial Conference on Social Development) yang diadakan pada tahun 2023 di Mesir.

Draf konvensyen ini bertujuan untuk mengukuhkan usaha OIC dan negara anggotanya dalam melindungi hak kanak-kanak Islam. YBhg. Datuk Dr. KSU telah memberikan kenyataan dalam sesi pembukaan dengan menyatakan bahawa antara lain rundingan ini hendaklah sejajar dengan instrumen antarabangsa sedia ada, melibatkan pihak-pihak berkepentingan melalui konsultasi pelbagai pihak, mekanisme pelaksanaan serta kepentingan data dan penyelidikan dalam pembuatan keputusan.



## 4<sup>TH</sup> ASEAN GENDER MAINSTREAMING STEERING COMMITTEE (AGMSC) MEETING

10 SEPTEMBER 2024  
KUALA LUMPUR

4<sup>th</sup> ASEAN Gender Mainstreaming Steering Committee (AGMSC) Meeting dipengerusikan bersama oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai Pengerusi ASEAN Committee on Women (ACW) bersama-sama H.E. Soukphaphone Phanit, Wakil ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) (Hak Wanita) Lao PDR dan Pengerusi ACWC.

Antara perkara utama yang dibincangkan semasa mesyuarat ini ialah ASEAN Gender Mainstreaming Strategic Framework (AGMSF) Implementation Plan dan senarai keutamaan inisiatif yang akan dilaksanakan bagi tempoh 2024 hingga 2025.



## LAUNCHING OF THE SECOND EDITION OF THE ASEAN GENDER OUTLOOK (AGO 2.0)

10 SEPTEMBER 2024  
KUALA LUMPUR

Second Edition of the ASEAN Gender Outlook (AGO 2.0) telah dilancarkan secara rasmi melalui persidangan video. Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewakili ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW) Malaysia, yang menyerlahkan kepimpinan Malaysia dalam memacu inisiatif berfokuskan gender di rantau ASEAN.

Majlis pelancaran tersebut dihadiri oleh H.E Ekkaphab Phanthavong, Deputy Secretary General for ASEAN Socio-Community Pillar, Mr. Jamshed Kazi, Senior Advisor and Liaison to ASEAN, UN Women's Regional Office for Asia and the Pacific, wakil badan sektoral ASEAN, rakan kolaborasi ASEAN, Duta Besar wakil Negara Anggota ASEAN (AMS), wakil-wakil Kementerian serta barisan pengurusan tertinggi Kementerian.



## **SPECIAL ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT (AMMSWD)**

5 NOVEMBER 2024  
SINGAPURA

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mengetuai delegasi Malaysia ke Special ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (AMMSWD). Sebagai Pengerusi AMMSWD, YB Menteri mempengerusikan mesyuarat tersebut bersama-sama dengan H.E. Masagos Zulkifli, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga Singapura. Mesyuarat itu dihadiri oleh Menteri dan wakil dari negara anggota ASEAN termasuk Timor Leste sebagai negara pemerhati.

Semasa sesi pembukaan mesyuarat dan perkongsian kenyataan negara, YB Menteri menekankan kepentingan institusi keluarga dalam menghadapi cabaran global seperti perubahan demografi, kepentingan industri penjagaan, terutamanya di negara yang semakin tua, pengiktirafan dan peranan wanita, serta kadar kesuburan yang rendah.



## **ASIAN FAMILY CONFERENCE (AFC) 2024**

6-7 NOVEMBER 2024  
SINGAPURA

Asian Family Conference (AFC) di bawah tema "Strong and Resilient Asian Families: Challenges and Opportunities" telah diadakan di Singapura. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah dijemput sebagai salah seorang ahli panel untuk sesi pleno dalam persidangan tersebut. YB Menteri menyampaikan pembentangan mengenai "Advancing Family Well-being: Malaysia's Initiatives in Developing Family Well-being Index and Strengthening Family Institution".

Peranan yang diberikan serta penyertaan Malaysia dalam AFC 2024 juga secara langsung memperlihatkan kepimpinan negara dalam sektor pembangunan sosial di rantau ini. Penyertaan ini memperkukuhkan visibiliti Malaysia sebagai persediaan untuk Malaysia memegang peranan sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025.



## 5<sup>TH</sup> ASEAN MINISTERIAL MEETING ON WOMEN (AMMW)

29 NOVEMBER 2024  
NAY PYI TAW, MYANMAR

5th ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW) telah berlangsung di Nay Pyi Taw, Myanmar dan secara dalam talian. AMMW ini diadakan tiga tahun sekali.

Mesyuarat ini menyaksikan Indonesia menyerahkan Kepengerusian AMMW kepada Myanmar bagi tempoh 2024–2027. YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, telah mewakili YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menghadiri mesyuarat ini sebagai AMMW Malaysia.



## **SESI DIALOG KONSTRUKTIF LAPORAN BERKALA KONVENSYEN TENTANG PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI TERHADAP WANITA (CONVENTION ON THE ELIMINATION OF ALL FORMS OF DISCRIMINATION AGAINST WOMEN – (CEDAW) KEENAM MALAYSIA**

18 – 26 MEI 2024

GENEVA, SWITZERLAND

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, mengetuai delegasi Malaysia bagi menghadiri Sesi Dialog Konstruktif Pembentangan Laporan Berkala Konvensyen Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women - CEDAW) Keenam Negara dari 18 hingga 26 Mei 2024.

Di bawah Artikel 18 CEDAW, setiap negara anggota perlu mengemukakan laporan berkala setiap empat (4) tahun sekali dan melaksanakan proses semakan serta menyediakan maklum balas dan menyertai sesi dialog konstruktif bagi memenuhi obligasi negara terhadap CEDAW. YB Menteri telah menjadi Menteri Malaysia pertama mengetuai delegasi Malaysia ke sesi dialog konstruktif ini untuk menjawab persoalan-persoalan berbangkit bagi mempertahankan laporan berkala Ke-enam Negara yang telah dikemukakan oleh Malaysia kepada Jawatankuasa CEDAW. Penyertaan negara di peringkat CEDAW memperlihatkan komitmen serius Malaysia dalam setiap kerjasama di peringkat antarabangsa bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita mengikut artikel yang terkandung di bawah CEDAW.



## 2024 GLOBAL SUMMIT OF WOMEN (GSW2024)

9 MEI 2024

MADRID SEPANYOL,

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mewakili Malaysia untuk menghadiri 2024 Global Summit of Women (GSW2024) pada 9 Mei 2024 di Madrid, Sepanyol. Persidangan ini merupakan platform bagi perkongsian amalan terbaik serta pertukaran pandangan mengenai dasar berkaitan pemerkasaan wanita dalam pelbagai bidang khususnya perniagaan dan politik.

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad turut membuat intervensi semasa sesi Ministerial Roundtable dengan berkongsi mengenai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan di Malaysia yang antara lainnya menyentuh mengenai pembangunan kapasiti, pendedahan kepada digitalisasi dan pendidikan keusahawanan dalam usaha untuk memperluaskan peluang ekonomi untuk wanita.

Penyertaan wakil delegasi menunjukkan bahawa Malaysia adalah komited untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh selaras dengan hasrat negara untuk memiliki 60 peratus tenaga kerja wanita.



## SESI PENILAIAN BERKALA SEJAGAT KEEMPAT MALAYSIA DI MAJLIS HAK ASASI MANUSIA, PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

25 JANUARI 2024

GENEVA, SWITZERLAND

Malaysia telah membentangkan Laporan Negara di sesi Penilaian Berkala Sejagat Keempat (Fourth Universal Periodic Review – UPR) di Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland pada 25 Januari 2024. Delegasi Malaysia program telah berlangsung diketuai oleh Ambassador YBhg. Dato' Bala Chandran Tharman, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, diiringi oleh pegawai-pegawai dari Perutusan Tetap Malaysia ke PBB di Geneva dan Kementerian dan Agensi-agensi yang berkaitan. Ini merupakan penilaian terhadap situasi hak asasi manusia di Malaysia yang keempat. Sebelum ini, penilaian telah dilakukan pada tahun 2009, 2013 dan 2018.

UPR merupakan satu proses antara-kerajaan (intergovernmental process) yang diwujudkan di bawah rangka kerja Majlis Hak Asasi Manusia PBB bagi menilai rekod hak asasi manusia bagi setiap Negara Anggota yang dinilai sekali setiap empat tahun setengah. Ia memberi peluang kepada setiap Negara yang dinilai untuk berkongsi maklumat akan usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan tahap hak asasi manusia di negara masing-masing. KPWKM merupakan antara Kementerian peneraju berhubung penilaian UPR dengan tiga perjanjian hak asasi manusia yang ditandatangani Malaysia iaitu The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW), Community Recycle For Charity (CRC) dan Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) adalah di bawah seliaan KPWKM.





## SIRI BENGKEL BERKAITAN DRAF PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN (NATIONAL ACTION PLAN - NAP) MENGENAI WOMEN, PEACE AND SECURITY (WPS)

SEPANJANG 2024

Malaysia komited untuk memperhalusi dan memuktamadkan Pelan Tindakan Kebangsaan berkenaan Women, Peace and Security (WPS). Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menerima pakai Resolusi 1325 berhubung WPS pada 31 Oktober 2000 dan ia adalah resolusi pertama PBB yang menekankan penglibatan dan peranan wanita dalam memperjuangkan isu-isu berkenaan keamanan dan keselamatan.

Untuk itu, beberapa siri bengkel dan perbincangan telah diadakan sepanjang 2024 untuk memurnikan draf Pelan Tindakan Kebangsaan WPS yang pertama untuk Malaysia. Bengkel yang disertai oleh 15 wakil Kementerian dan Agensi ini telah memperhalusi kerangka Pelan Tindakan WPS Kebangsaan dan membincangkan cadangan penambahbaikan khusus untuk kesejahteraan kumpulan sasaran. KPWKM akan terus komited mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak dalam mendapatkan pandangan serta input dalam memuktamadkan pelan tindakan kebangsaan.

## THE REGIONAL EXPERT GROUP MEETING

28 - 29 FEBRUARI 2024

THE EVERLY HOTEL, PUTRAJAYA

Penganjuran The Regional Expert Group Meeting dengan kerjasama International Federation for Family Development (IFFD) melibatkan pakar-pakar antarabangsa dari negara-negara Asia. Tema mesyuarat pada kali ini adalah Families and Megatrends Interlinkages Between Migration, Urbanization, New Technologies, Demographic Trends and Climate Change.

Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk mengumpulkan rekomendasi dari negara-negara terlibat seperti Korea Selatan, Thailand, Jepun dan Qatar bagi membangunkan polisi mesra keluarga yang boleh diaplikasikan kepada sesebuah negara. Wakil Malaysia terdiri daripada YBhg. Dato' Dr. Narimah Awin, UNFPA Malaysia, Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari, (Universiti Putra Malaysia), Prof. Dr. Tey Nai Peng (Universiti Malaya).


## JEMPUTAN KE SESI 57 COMMISSION ON POPULATION AND DEVELOPMENT

29 APRIL - 3 MEI 2024

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT

Pada 29 April hingga 3 Mei 2024, telah diadakan 57<sup>th</sup> Session of The United Nation Commission on Population and Development (UNCPD) yang memberi tumpuan kepada tema penting iaitu 'Assessing the status of implementation of the Programme of Action of the International Conference on Population and Development and its contribution to the follow-up and review of the 2030 Agenda for Sustainable Development during the decade of action and delivery for sustainable development'.

LPPKN telah diwakili oleh YBrs. Encik Hairil Fadzly bin Md Akir, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LPPKN dan Encik Firdaus bin Mazalan, Perangkawan Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga ke Sesi 57<sup>th</sup> Commission on Population and Development.



## ASIAN FAMILY SUMMIT (AFS) 2024

27 - 29 DISEMBER 2024  
UNIVERSITY OF HONG KONG

Consortium of Institutes on Family in the Asian Region (CIFA) telah menganjurkan Asian Family Summit (AFS) 2024 yang bertujuan untuk berkongsi hasil penyelidikan dan juga program intervensi berkaitan bidang kekeluargaan di peringkat Asia.

Sepanjang penganjuran AFS 2024, sebanyak 60 pembentangan kertas kerja (hasil penyelidikan dan program intervensi) sama ada secara lisan ataupun poster daripada 11 negara telah berjaya dikongsikan. Selain itu, terdapat juga beberapa sesi plenari yang membincangkan tentang trend mega global seperti urbanisasi/migrasi, perubahan demografi dan perubahan iklim, serta kesannya terhadap institusi keluarga.

Encik Irwan Nadzif bin Mahpul daripada Bahagian Penyelidikan dan Keluarga telah mewakili LPPKN hadir ke AFS 2024 dan telah membentangkan kertas kerja bertajuk Measuring the Malaysian Family Well-Being Index in Assessing Policy and Program Interventions Effectiveness.





## THE 3<sup>RD</sup> ASEAN WOMEN LEADERS' SUMMIT

23 OGOS 2024  
VIENTIANE, LAO PDR

The 3rd ASEAN Women Leaders' Summit dengan tema "Strengthening Care Economy and Resilience Towards ASEAN Community Post-2025" telah dihadiri oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Semasa sesi plenari, YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mewakili Malaysia bagi berkongsi mengenai isu penjagaan tanpa gaji di Malaysia. Antara yang dikongsikan adalah pengurangan jurang gender dalam penyertaan tenaga kerja boleh meningkatkan Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global sebanyak 35% dan memberi manfaat besar kepada ekonomi, terutamanya dalam industri penjagaan.

Di majlis ini juga, Malaysia telah menerima Care Economy Recognition Award sebagai pengiktirafan terhadap usaha KPWKM dalam membangunkan Rangka Kerja Industri Penjagaan. Anugerah ini diberikan kepada negara-negara anggota ASEAN yang menyumbang ke arah bidang ekonomi penjagaan masing-masing.

## 2024 ASIA PACIFIC CARE CHAMPIONS UNDER CATEGORY CARE INNOVATORS: TRANSFORMING LIVES THROUGH CARE DELIVERY

21 NOVEMBER 2024  
BANGKOK, THAILAND

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menerima 2024 Asia Pacific Care Economy Award di bawah kategori Care Innovators Transforming Lives Through Care Delivery anjuran Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP).

Anugerah ini diberikan atas inisiatif KPWKM dalam membangunkan Kerangka Strategik Industri Penjagaan di Malaysia melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of nation approach*.

Inisiatif ini juga merupakan salah satu tindakan tuntas KPWKM dalam menyahut aspirasi Kerajaan semasa peluncuran Ekonomi MADANI yang menekankan berkaitan Ekonomi Penjagaan bagi memastikan 60 peratus penyertaan wanita dalam tenaga buruh menjelang 2033.






UKK

**UKK** | KEMENTERIAN  
WANITA KE  
MASYARAKAT

# 10



MyKPWK

## Persidangan Parlimen, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas 2024

### Mesyuarat Pertama

Dewan Rakyat : Februari – Mac 2024

Dewan Negara : Mac – April 2024

#### **KPWKM telah menerima:**

- 36 soalan bagi Dewan Rakyat (18 soalan Lisan, 15 Bukan Lisan, 1 MQT, 2 Kamar Khas); dan
- 16 soalan bagi Dewan Negara (13 soalan Lisan dan 3 Bukan Lisan).

### Mesyuarat Kedua

Dewan Rakyat: Jun – Julai 2024

Dewan Negara: Julai – Ogos 2024

#### **KPWKM telah menerima:**

- 40 soalan bagi Dewan Rakyat (28 soalan Lisan, 12 Bukan Lisan, 1 Kamar Khas, 1 MQT); dan
- 24 soalan bagi Dewan Negara (21 soalan Lisan dan 3 Bukan Lisan).

### Mesyuarat Ketiga

Dewan Rakyat: Oktober – Disember 2024

Dewan Negara: Disember 2024

#### **KPWKM telah menerima:**

- 66 soalan bagi Dewan Rakyat (41 soalan Lisan, 25 Bukan Lisan, 1 Usul, 3 Kamar Khas, 1 MQT, 1 Sesi Penerangan Menteri); dan
- 25 soalan bagi Dewan Negara (22 soalan Lisan dan 3 Bukan Lisan).





## **BENGGEL PENCAPAIAN DAN PENETAPAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PENJAWAT PENGURUSAN TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM (PPTPA) KPWKM BAGI TAHUN 2024 DAN 2025**

25 – 26 NOVEMBER 2024

HOTEL DOUBLETREE BY HILTON, KUALA LUMPUR

Bengkel bertujuan memuktamadkan laporan status pencapaian KPI PPTPA KPWKM Tier 1, 2 dan 3, Kerangka Strategik Malaysia Madani (KSMM) KPWKM, Kerangka Keberhasilan Utama (KKU) KPWKM dan Deep Performance Evaluation (DEEP) KPWKM bagi tempoh Januari hingga 31 Oktober 2024.

Selain itu ia juga bertujuan untuk menyediakan kerangka hala tuju yang merangkumi KPI PPTPA KPWKM Tahun 2025 yang berimpak tinggi berdasarkan syarat JPA dan peruntukan kementerian bagi tahun 2025.

**Bengkel ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dengan penelitian dan penyelarasan terhadap keseluruhan:**

- pencapaian KPI PPTPA KPWKM, KSMM dan KKU KPWKM bagi tahun 2024;
- program-program utama Kementerian 2025 termasuk jabatan dan agensi; dan
- kerangka hala tuju kementerian dan cadangan KPI PPTPA KPWKM bagi tahun 2025.

## MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK KPWKM

JANUARI - DISEMBER 2024

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

### Mesyuarat ini dirangka dengan tujuan;

- Menjadi platform utama bagi membincangkan perkara berkaitan akta, dasar dan perancangan strategik kementerian secara menyeluruh;
- Meneliti, memperaku cadangan tindakan serta memantau tindakan pelaksanaan berkaitan sesuatu akta, dasar, pelan tindakan, inisiatif, program, projek dan aktiviti kementerian yang sedia ada atau baharu; dan
- Menjadikan keputusan mesyuarat sebagai punca kuasa untuk pelaksanaan sesuatu inisiatif dan tindakan oleh kementerian, jabatan dan agensi.

Mesyuarat Perancangan Strategik KPWKM Tahun 2024 telah diadakan sebanyak 13 kali bagi tempoh Januari hingga Disember yang mencapai semua objektif yang ditetapkan.



## MAJLIS MENANDATANGANI DOKUMEN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) PERINGKAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

21 NOV 2024

DEWAN PERDANA NUR, KPWKM

Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) merupakan inisiatif reformasi yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menyemak semula struktur saraan, skim perkhidmatan dan laluan kerjaya penjawat awam. Ia bertujuan memastikan sistem perkhidmatan awam kekal relevan, kompetitif, serta mampu menarik dan mengekalkan bakat berkualiti tinggi.

Pelaksanaan SSPA mengambil kira perubahan landskap kerja semasa, keperluan digitalisasi, serta tuntutan terhadap penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berorientasikan rakyat. Penekanan turut diberikan kepada prinsip keadilan, meritokrasi dan motivasi kerja melalui pendekatan imbuhan yang lebih adil dan berasaskan prestasi.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menganjurkan Majlis Menandatangani Dokumen SSPA sebagai langkah strategik menyokong pelaksanaan sistem baharu ini. Majlis ini telah diadakan pada 21 November 2024 bertempat di Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM, dan proses menandatangani dokumen ini dibuka sepanjang tempoh pelaksanaan yang ditetapkan oleh JPA dari 21 Oktober hingga 30 November 2024.



## HARI PSIKOLOGI KPWKM TAHUN 2024

24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)  
DEWAN PERDANA NUR, KPWKM

Hari Psikologi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Tahun 2024 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM. YBhg. Datuk Dr. KSU juga telah menyempurnakan Penyerahan Sijil Penghargaan Mentor Menti Sesi Tahun 2023 dan juga Watikah Pelantikan Mentor Menti Tahun 2024 semasa majlis perasmian tersebut. Program tersebut telah disertai seramai 300 orang warga KPWKM termasuk Jabatan dan Agensi.

Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan perkhidmatan psikologi dan kaunseling di KPWKM yang berperanan sebagai pelengkap kepada pengurusan sumber manusia dengan memberi fokus terhadap tiga aspek utama iaitu pembangunan, pencegahan dan pemulihan.

Di antara pengisian Hari Psikologi adalah slot perkongsian ilmu bertajuk "Hargai Diri, Serlahkan Potensi" oleh Tn. Hj. Norazman bin Amat, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kaunseling, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Sesi Bicara Minda bertajuk "Emosi Terjaga, Menjana Organisasi Berjaya" oleh YBrs. Dr. Malar Santherasegapan dari Hospital Columbia Asia, Pemeriksaan Kesihatan Asas seperti bacaan tekanan darah, bacaan kadar glukos dalam darah, bacaan kolesterol, berat dan tinggi oleh Hospital Columbia Asia, jualan buku motivasi oleh Iman Publication serta reruai pameran dari Mental Illness Awareness and Support Association (MIASA), Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) dan Bahagian Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.



## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN PERSARAAN KPWKM TAHUN 2024

11 JUN 2024

SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC)

Seramai 652 orang penerima APC telah diraikan dalam majlis ini yang terdiri daripada 23 orang penerima Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), 19 orang penerima daripada Jabatan Pembangunan Wanita, 6 orang penerima daripada Institut Sosial Malaysia, 73 orang penerima daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan 531 orang penerima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh semua penerima APC ini akan menjadi contoh kepada warga Kementerian serta memberi impak yang positif ke arah kecemerlangan Kementerian ini secara keseluruhan demi merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang akan menyejahterakan rakyat dan memakmurkan negara selaras dengan nilai yang diterapkan dalam MALAYSIA MADANI.

Majlis kali ini turut menghargai jasa dan khidmat bakti 96 orang pesara di Jabatan/Agensi dan peringkat KPWKM yang telah bersara serta bakal memasuki alam persaraan pada tahun 2024 yang terdiri daripada 3 orang daripada Jabatan Pembangunan Wanita, 12 orang daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara serta 81 orang daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih yang tidak terhingga atas segala jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang berada dalam perkhidmatan awam.





## **KURSUS INSPIRED TEAM@KPWKM 2024**

6 HINGGA 8 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT - AHAD)  
LEXIS, PORT DICKSON

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah berjaya menganjurkan Kursus Inspired Team@KPWKM 2024 yang berlangsung pada 6 hingga 8 September 2024, bertempat di Lexis, Port Dickson. Kursus ini telah menghimpunkan seramai 61 orang peserta yang terdiri daripada barisan Pengurusan Tertinggi serta warga KPWKM dari pelbagai bahagian dan jabatan.

Penganjuran kursus ini bertujuan memperkukuh nilai-nilai kerjasama dan semangat setiakawan dalam kalangan warga kementerian, di samping memperkasakan potensi kepimpinan unggul dalam usaha mempertingkatkan tadbir urus organisasi secara holistik dan berkesan.

Sepanjang kursus ini berlangsung, para peserta telah didedahkan dengan pelbagai pengisian yang padat dan bermanfaat. Antara pengisian utama termasuklah aktiviti pengukuhan pasukan yang direka khusus untuk menguji keupayaan bekerja dalam kumpulan, membina kepercayaan serta meningkatkan kemahiran komunikasi yang efektif.

Selain itu, kursus ini turut menampilkan sesi perkongsian ilmu yang disampaikan oleh penceramah profesional yang berkemahiran tinggi dalam bidang pembangunan sumber manusia dan kepimpinan organisasi. Perkongsian tersebut bukan sahaja membuka minda para peserta terhadap pendekatan kepimpinan masa kini, malah memberikan panduan praktikal dalam menyantuni cabaran kerja seharian.

Salah satu kemuncak kepada kursus ini ialah sesi istimewa "Meet and Greet" bersama YBhg. Datuk Dr. Ketua Setiausaha KPWKM yang telah memberikan ruang kepada para peserta untuk berinteraksi secara langsung, berkongsi pandangan serta melontarkan isu-isu dan cadangan penambahbaikan berkaitan urusan kerja di kementerian.

## MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN ANGGOTA TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

21 MAC 2024

AUDITORIUM, KPWKM

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Anggota Tribunal bagi Antigangguan Seksual kepada 30 orang Anggota Tribunal yang dilantik mengikut peruntukan di bawah seksyen 4, Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840).

Dalam ucapannya, YB Menteri turut menjelaskan bahawa anggota Tribunal yang telah dilantik ini terdiri daripada individu-individu dengan pelbagai latar belakang profesion dalam kalangan sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).



## PENGANJURAN BENGKEL TACARA PENGENDALIAN PROSIDING TAGS

10 HINGGA 12 MEI 2024  
KUALA LUMPUR

Sebagai usaha memperkemas penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, buat julung kalinya, Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS), KPWKM menganjurkan Bengkel Tatarcara Pengendalian Prosiding TAGS dari 10 hingga 12 Mei 2024 bagi memberikan pendedahan kepada anggota TAGS yang bakal mengendalikan pendengaran aduan gangguan seksual selaras dengan peruntukan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] dan Peraturan-Peraturan Antigangguan Seksual 2024 [P.U.(A) 80/2024].

YBrs. Puan Syafeera binti Mohd Said, Presiden TAGS, YBrs. Tuan Mohamad Nasrudin bin Mohamed, Timbalan Presiden TAGS, YA. Dr. Salahudin bin Dato' Hidayat Shariff, Pengerusi Mahkamah Perusahaan dan YBhg. Datin Kunasundry Marimuthu, Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Putrajaya telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan anggota TAGS yang hadir ke Bengkel ini.

Dengan pelaksanaan bengkel ini, KPWKM yakin TAGS akan dapat beroperasi dengan baik bagi mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum.

## RANCANGAN AUDIT DAN PENCAPAIAN KERJA PENGAUDITAN TAHUN 2024

Rancangan Audit Tahun 2024 disediakan bertujuan sebagai perancangan kerja yang menyeluruh meliputi aktiviti pengauditan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024 ke arah mencapai objektif UAD KPWKM dalam memantapkan pengurusan kewangan, dengan tumpuan kepada kawalan dan pengurusan yang berisiko tinggi.

Selain itu, Pengauditan Prestasi bagi tahun 2022 (tertanggung disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19) dan 2023 yang siap pada tahun 2024 iaitu Pengurusan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Persatuan Sukarela Kebajikan JKM serta Pengurusan Penyediaan Kemudahan Infrastruktur Serta Kebersihan Rumah Seri Kenangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat turut dibentangkan pada tahun 2024.

## RANCANGAN AUDIT DAN PENCAPAIAN KERJA PENGAUDITAN TAHUN 2024

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	RANCANGAN (BIL.)	PENCAPAIAN (BIL.)	ULASAN
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan	11 PTJ	11 PTJ	Pengauditan siap dilaksana.
2.	Pengauditan Pengurusan Perolehan	11 PTJ	11 PTJ	Pengauditan siap dilaksana.

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	RANCANGAN (BIL.)	PENCAPAIAN (BIL.)	ULASAN
3.	Pengauditan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan JKM & Pengurusan Kewangan	23 PTJ	23 PTJ	Pengauditan siap dilaksana.
4.	Pengauditan Prestasi	2 Kajian 2024 2 Kajian tahun 2022 & 2023	2 Kajian 2 Kajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rancangan Audit Tahun 2024 siap dijalankan pada tahun 2025.</li> <li>Turut dilaporkan 2 Kajian Tahun 2022 dan 2023.</li> </ul>
5.	Pengauditan Khas -Verifikasi Data Baki Awal Aset	2 Set Data	3 Set Data	Pengauditan dan pengesahan siap dilaksana.

### MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Pada tahun 2024, Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) telah diadakan sebanyak empat (4) kali bagi membincangkan isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam dan Jabatan Audit Negara. Minit Mesyuarat JKA kemudiannya dikemukakan kepada Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK), Kementerian Kewangan.

### MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT KPWKM

BIL.	BILANGAN MESYUARAT JKA	PELAPORAN BAGI SUKU TAHUN	TARIKH MESYUARAT JKA DIADAKAN	TARIKH MINIT MESYUARAT DIKEMUKAKAN KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN
1.	JKA KPWKM Bil. 1/2024	Pertama 2024	06.06.2024	21.06.2024
2.	JKA KPWKM Bil. 2/2024	Kedua 2024	09.09.2024	30.09.2024
3.	JKA KPWKM Bil. 3/2024	Ketiga 2024	09.12.2024	23.12.2024
4.	JKA KPWKM Bil. 4/2024	Keempat 2024	06.03.2025	13.03.2025

## SUMBANGAN UNIT AUDIT DALAM

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 31 aktiviti pengauditan telah dilaksanakan. Hasil daripada pengauditan tersebut, beberapa penambahbaikan telah dibuat. Selain itu, laporan pengauditan UAD yang dikeluarkan juga menyumbang kepada penambahbaikan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi

## SUMBANGAN UAD KEPADA KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI PADA TAHUN 2024

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	SYOR AUDIT	PENAMBAHBAIKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN/TADBIR URUS/ PROSEDUR KERJA OLEH AUDIT
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan.	Pengurusan Perolehan dan Perbelanjaan mengikut peraturan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Garis Panduan Perolehan telah disediakan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga pada bulan Februari 2024.</li> <li>Terma Jawatankuasa Kewangan telah dipinda.</li> <li>Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan telah ditambah baik.</li> </ul>
2.	Pengauditan Pengurusan Perolehan.	<p>Menuntut Syarikat membekalkan kurangan barangan.</p> <p>Menuntut Syarikat membuat pembersihan dan kawalan keselamatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat telah membekalkan kurangan barangan bernilai RM1,402.</li> <li>Syarikat telah membuat pembayaran bagi lebihan terimaan berjumlah RM2,850.</li> </ul> <p>Melantik Pegawai Penyelia untuk menyelia kerja-kerja yang dilaksana oleh Syarikat Pembersihan dan Kawalan Keselamatan.</p>
3.	Pengauditan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan JKM & Pengurusan Kewangan.	<p>Bantuan Kewangan diberhentikan bagi penerima yang tidak layak dengan segera.</p> <p>Saman lalu lintas PDRM dibayar segera.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan kewangan kepada penerima yang tidak layak telah ditamatkan dengan segera.</li> <li>Telah menuntut kembali pembayaran bantuan terlebih bayar.</li> </ul> <p>Sebahagian saman telah dibatalkan oleh PDRM, manakala sebahagiannya dibayar sendiri oleh Pemandu.</p>

Selain itu, salah satu pendekatan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi untuk meningkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan dan prosedur kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa adalah melalui kursus, bengkel dan taklimat berkaitan pengurusan kewangan kepada mereka yang terlibat, sama ada sebagai Penyelia mahupun sebagai Pelaksana.

Sejajar dengan itu, ilmu yang ada di kalangan pegawai UAD dikongsi bersama dengan pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi menerusi percambahan ilmu dan *Knowledge Sharing* dalam program yang diadakan sebagai penceramah. Pada tahun 2024, sesi ceramah/latihan yang diberikan oleh pegawai UAD berkaitan pengurusan kewangan adalah seperti berikut.

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	LOKASI	TARIKH	PEGAWAI UAD SEBAGAI PENCERAMAH
1.	Kursus Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan JKM-Zon Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	7.3.2024	Noor Hishamuddin Shah bin Mohamad Shafiee/KUAD W13
2.	Penceramah bagi Kursus Pengauditan Prestasi	Putrajaya	16.5.2024	
3.	Penceramah bagi Kursus Pengukuhan Pengurusan Kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	Putrajaya	24.9.2024	
4.	Ahli Jawatankuasa Subject Matter Expert Audit Dalam (SMEAD) Pengauditan Prestasi	Putrajaya	Sehingga kini	Hazila binti Agil / KJA W10
5.	Setiausaha AKRAB KPWKM Sesi 2024/2025	Putrajaya	Sehingga kini	
6.	Pemurnian Garis Panduan Tabung Bantuan Segera (TBS) dan Geran Pelancaran Jabatan Kebajikan Masyarakat	Kuala Lumpur	10-12.09.2024	
7.	Kursus Pengukuhan Pengurusan Kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Jabatan Kebajikan Masyarakat.	Putrajaya	24.09.2024	

## PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

Unit Integriti bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan dan pemantauan isu-isu berkaitan pengukuhan integriti, tadbir urus, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib. Antara senarai aktiviti-aktiviti yang melibatkan aspek pengukuhan integriti yang telah dijalankan oleh Unit Integriti pada Tahun 2024 adalah seperti berikut:

### Program/ Kursus Pengukuhan Integriti

Bil	Perkara	Tarikh	Lokasi	Jumlah Peserta	Objektif	Pencapaian/Outcome
1.	<b>Taklimat Pengukuhan Integriti kepada warga JKMN Johor</b>	15 Feb. 2024	JKMN Johor	50	i) Memperkenalkan amalan nilai murni; ii) Meningkatkan tahap kesedaran serta kefahaman warga KPWK dan agensi di bawahnya mengenai pembangunan integriti khususnya nilai-nilai murni.	Tahap kesedaran serta kefahaman warga KPWK dan agensi dapat dipertingkatkan.
2.	<b>Bengkel Penyelesaian Integriti KPWK (Pembangunan OACP KPWK)</b>	24-27 Jun 2024	Hotel Grand Barakah, Ampang	26	i) Membuat semakan semula dan membangunkan strategi baru KPWK bagi tahun 2024-2028 yang melibatkan seluruh Jawatankuasa Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KPWK.	Semakan semula dan pembangunan OACP yang lebih fokus kepada KPWK mengikut hala tuju yang terkini.
3.	<b>Taklimat Pengukuhan Integriti kepada warga JKMN Perak</b>	17 Julai 2024	Weil Hotel, Ipoh	70	i) Memperkenalkan amalan nilai murni ii) Meningkatkan tahap kesedaran serta kefahaman warga KPWK dan agensi di bawahnya mengenai pembangunan integriti khususnya nilai-nilai murni.	Tahap kesedaran serta kefahaman warga KPWK dan agensi dapat dipertingkatkan.

Bil	Perkara	Tarikh	Lokasi	Jumlah Peserta	Objektif	Pencapaian/Outcome
4.	<b>Kursus Audit Dalam Anti-Bribery Management Systems – ABMS ISO 37001:2016</b>	27-28 Ogos 2024	Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM	21	i) Memastikan Juruaudit Dalam memenuhi syarat sebagai Juruaudit Dalam sebelum Audit Dalam dilaksanakan.	Juruaudit Dalam memenuhi syarat bagi melaksanakan Audit Dalam ABMS.
5.	<b>ABMS Learning: Jangan Minta, Tolak Dan Laporkan</b>	8 Okt. 2024	Auditorium Aras 7, KPWKM	75	i) Meningkatkan tahap kefahaman warga KPWKM mengenai ABMS.	Tahap kefahaman warga KPWKM berkaitan ABMS dapat dipertingkatkan.
6.	<b>Hari Integriti Dan Hari Inovasi 2024 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)</b>	18 November 2024	Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM	148	i) Meningkatkan kefahaman tentang peranan individu dalam membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.	Kefahaman berkaitan peranan individu dalam membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat dipertingkatkan.

## Naziran Pengukuhan Integriti

Naziran Pengukuhan Integriti dijalankan bagi memastikan pematuhan jabatan/ agensi ke atas aspek-aspek naziran di samping mengenal pasti masalah dalam pelaksanaan sesuatu kerja, seterusnya mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian kepada jabatan/ agensi. Antara kaedah pelaksanaan naziran di jabatan/ agensi adalah melalui semakan rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tahun 2024. Selain itu, sesi temu bual diadakan bersama pegawai yang bertanggungjawab bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada proses semakan yang telah dijalankan. Pemeriksaan secara fizikal juga akan dijalankan untuk memperkukuhkan hasil penemuan naziran. Berikut merupakan aspek-aspek pemerhatian bagi Naziran Pengukuhan Integriti:



Senarai lokasi Naziran Pengukuhan Integriti yang telah dijalankan oleh Unit Integriti bagi Tahun 2024 adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	<b>Institut Sosial Malaysia</b>	16 Januari 2024
2.	<b>Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara</b>	18 Januari 2024
3.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Melaka</b>	31 Januari 2024
4.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Johor</b>	15 Februari 2024
5.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Selangor</b>	26 Mac 2024
6.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKM WPKL</b>	1 April 2024
7.	<b>Jabatan Pembangunan Wanita (Ibu Pejabat)</b>	3 April 2024
8.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKM Negeri Kedah</b>	18 April 2024
9.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKM Negeri Perlis</b>	18 April 2024
10.	<b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (Ibu Pejabat)</b>	24 April 2024
11.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Pahang</b>	29 April 2024
12.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Negeri Sembilan</b>	24 Mei 2024
13.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Perak</b>	18 Julai 2024
14.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Pulau Pinang</b>	19 Julai 2024
15.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Sarawak</b>	9 Ogos 2024
16.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Kelantan</b>	11 September 2024
17.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Terengganu</b>	13 November 2024
18.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKMN Sabah</b>	2 Disember 2024
19.	<b>Naziran Pengukuhan Integriti JKM WP Labuan</b>	3 Disember 2024

## **PERSIDANGAN BAHAGIAN PENASIHAT JABATAN PEGUAM NEGARA TAHUN 2024**

23 HINGGA 25 FEBRUARI 2024  
SCAPES HOTEL, GENTING HIGHLAND, PAHANG

Persidangan Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara Tahun 2024 yang telah diadakan di SCAPES Hotel, Genting Highlands telah membincangkan topik-topik yang berkaitan bersama Penasihat Undang-Undang setiap negeri. Persidangan ini turut dihadiri oleh Ketua Unit serta wakil pegawai Unit Penasihat Undang-Undang, KPWKM.

## **PERSIDANGAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG JABATAN PEGUAM NEGARA TAHUN 2024**

3 HINGGA 5 OGOS 2024  
SUNWAY RESORT HOTEL, BANDAR SUNWAY, SELANGOR

Persidangan Pegawai Undang-Undang Jabatan Peguam Negara Tahun 2024 telah diadakan pada 3 hingga 5 Ogos 2024 di Dewan Persidangan, Hotel Sunway Resort, Bandar Sunway, Selangor.

Persidangan ini dianggarkan telah dihadiri oleh seramai 1,478 orang pegawai, yang meliputi semua pegawai undang-undang antara lain, di Ibu Pejabat, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian/ Jabatan/ Agensi sama ada secara kader mahupun peminjaman. Persidangan ini turut dihadiri oleh semua pegawai undang-undang dari Unit Penasihat Undang-undang, KPWKM dan Unit Undang-undang, JKM.

## **MAJLIS PELUNCURAN “BUKU PANDUAN PENGUBALAN UNDANG-UNDANG: “LANGKAH DEMI LANGKAH”**

5 NOVEMBER 2024  
DEWAN BERA 1 & 2, HOTEL DOUBLETREE BY HILTON, PRESINT 5, PUTRAJAYA

Majlis Peluncuran telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Peguam Negara. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Unit Penasihat Undang-Undang, KPWKM.

## **MESYUARAT PEMURNIAN PERJANJIAN KERAJAAN SIRI KEDUA UNIT PENASIHAT UNDANG-UNDANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM) TAHUN 2024**

19 HINGGA 22 FEBRUARI 2024  
HOTEL IDEAS, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Pemurnian Perjanjian Kerajaan Siri Kedua Unit Penasihat Undang-Undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Tahun 2024 telah diadakan di Hotel Ideas, Kuala Lumpur pada 19 hingga 22 Februari 2024. Mesyuarat ini turut dihadiri semua kakitangan Unit Penasihat Undang-Undang KPWKM dan Unit Penasihat Undang-Undang JKM dan dianjurkan bagi mengemaskini semua draf perjanjian di bawah KPWKM.

## **MESYUARAT PEMURNIAN DRAF TEMPLAT PERJANJIAN TAMBAHAN DAN PERUNDINGAN UNIT PENASIHAT UNDANG-UNDANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM) TAHUN 2024**

22 HINGGA 23 JULAI 2024  
AVILLION ADMIRAL COVE, PORT DICKSON

Mesyuarat Pemurnian Draf Templat Perjanjian Tambahan dan Perundingan Unit Penasihat Undang-Undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Tahun 2024 telah dianjurkan oleh Unit Penasihat Undang-Undang, KPWKM bagi menyelaraskan dan menyeragamkan semua bentuk perjanjian tambahan Kerajaan yang lazim digunakan di KPWKM dan agensi di bawahnya.

Mesyuarat ini adalah disasarkan kepada semua Pegawai Undang-undang serta Penolong Pegawai Undang-Undang Unit Penasihat Undang-undang, KPWKM dan JKM.

## **MESYUARAT PEMURNIAN TEMPLAT PERJANJIAN PEMBANGUNAN SISTEM ICT DI KPWKM DAN JABATAN/AGENSI DI BAWAHNYA**

27 HINGGA 29 NOVEMBER 2024

HOTEL MICASA ALL SUITE, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Pemurnian Templat Perjanjian Pembangunan Sistem ICT di KPWKM dan Jabatan/Agensi di bawahnya telah diadakan di Hotel MiCasa All Suite, Kuala Lumpur pada 27 hingga 29 November 2024.

Mesyuarat ini turut dihadiri semua kakitangan Unit Penasihat Undang-Undang KPWKM dan Unit Penasihat Undang-Undang JKM bersama dengan pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Maklumat di KPWKM, Bahagian Pengurusan Maklumat di JKM, Unit Teknologi Maklumat di JPW dan Unit Teknologi Maklumat di ISM

Mesyuarat ini dilaksanakan dalam usaha untuk mengemaskini dan menyelaraskan draf perjanjian Pembangunan Sistem ICT bagi memastikan draf yang disediakan memenuhi keperluan dan kehendak KPWKM serta pada masa yang sama memenuhi templat yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara.

## **PRESTASI PEMBANGUNAN TAHUN 2024**

### **PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024**

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM265,784,800.00 yang melibatkan 60 projek. Sehingga penghujung tahun 2024, prestasi perbelanjaan pembangunan selepas sekatan adalah sebanyak RM227,245,917.43 iaitu 97.77%.

### **PEMANTAUAN PROGRAM/ PROJEK TAHUN 2024**

Bahagian Pembangunan sentiasa memantau prestasi fizikal dan prestasi perbelanjaan projek pembangunan Kementerian dari semasa ke semasa. Sebagai langkah dalam mengekalkan kecemerlangan prestasi perbelanjaan, Bahagian ini telah meneliti semula keperluan peruntukan pembangunan berdasarkan prestasi semasa pelaksanaan projek, unjuran aliran tunai oleh Agensi Pelaksana dan kedudukan fiskal negara.

### **LAWATAN PROJEK OLEH YBHG. DATUK DR. KSU / YB MENTERI KPWKM SEPANJANG TAHUN 2024**

Sepanjang tahun 2024, beberapa lawatan turun padang telah diadakan oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), serta YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bagi meninjau pelaksanaan projek-projek pembangunan KPWKM.







11

LENSA KPWK M 2024

# LENSA KPWKM 2024



DO SOMETHING  
TODAY THAT  
YOUR FUTURE  
SELF WILL  
THANK YOU FOR



# KPWKM 2024



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT**









<http://www.kpwkm.gov.my>



@kpwkm



kpwkmtv

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT  
Ministry of Women, Family and  
Community Development  
55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya,  
Wilayah Persekutuan Putrajaya  
MALAYSIA  
T +603-8000 8000  
F +603-8323 2037  
E [info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)